

Penyatuan masyarakat, wujudkan sinergi mencapai aspirasi Wawasan Brunei 2035

**Assalamu'alaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh**
Bismillaahir Rahmaanir Raheem
Alhamdulillah Rabbil 'Alameen,
Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala Asyaraaf
Anbiya Mursaleen, Sayyidina
Muhammadin, Wa'alaa Aalihee
Wasahbihee Ajma'een.

MENGADAP Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Dengan penuh hormat dan takzim serta bersyukur Kehadrat Allah Subhanahu Wata'ala, hamba Kebawah Duli Tuan Patik mewakili Ahli-ahli Jemaah Tadbir, Lembaga Pengarah dan Pengurusan serta seluruh warga Yayasan Kebawah Duli Tuan Patik, sukacita merafakkam sembah menjunjung kasih setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Tuan Patik di atas limpah kurnia perkenan Kebawah Duli Tuan Patik bercemar duli berangkat ke Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri anjuran Yayasan Kebawah Duli Tuan Patik pada hari ini, Sabtu, 13 Syawal 1446 bersamaan dengan 12 April 2025 yang penuh keberkatan dan keceriaan bersama kerabat-kerabat diraja, seterusnya Kebawah Duli Tuan Patik berkenan untuk mengurniakan titah.

Sesungguhnya keberangkatan Kebawah Duli Tuan Patik ke majlis ini berserta kerabat-kerabat diraja Kebawah Duli Tuan Patik adalah merupakan suatu kurnia yang

sangat bermakna dan disanjung tinggi dalam memberikan suntikan semangat kepada abis hamba-hamba Kebawah Duli Tuan Patik di Yayasan Kebawah Duli Tuan Patik untuk mengungkayahkan majlis berkebajikan ini pada setiap tahun dengan mengetengahkan beberapa kumpulan peserta yang berbeza. Mereka adalah merupakan kelompok-kelompok masyarakat yang telah abis hamba Kebawah Duli Tuan Patik kenal pasti sedang dan telah melaksanakan peranan dan tanggungjawab masing-masing ke arah menyumbang kepada pembangunan, kemajuan dan kesejahteraan agama, bangsa dan negara.

Limpah kurnia perkenan Kebawah Duli Tuan Patik berangkat ke majlis ini berserta kerabat-kerabat diraja Kebawah Duli Tuan Patik pagi ini juga merupakan suatu yang amat bermakna dan istimewa bagi memberikan peluang keemasan kepada para peserta khususnya dan abis hamba-hamba Kebawah Duli Tuan Patik serta jemputan-jemputan lainnya untuk bersua muka, beramah mesra serta menjunjung ziarah dengan Kebawah Duli Tuan Patik, seorang raja berdaulat yang sangat dikasihi di suasana keriangan Syawal.

Amat istimewa dan sangat dinantikan adalah kurnia titah Kebawah Duli Tuan Patik yang penuh hikmah, nasihat dan panduan untuk diamati, dihayati dan seterusnya ditanai sebagai sumber inspirasi dan pemangkin semangat kepada abis hamba Kebawah Duli Tuan Patik, para peserta serta hadirin dan hadirat yang lainnya dalam melaksanakan peranan masing-masing.

Pada menjunjung titah perkenan Kebawah

Duli Tuan Patik, tema Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri tahun ini adalah 'Perpaduan Masyarakat Dalam Mencapai Aspirasi Negara'. Tema ini mencerminkan komitmen Yayasan Kebawah Duli Tuan Patik untuk menyemarakkan semangat kerjasama, kesatuan, dan keharmonian dalam kalangan masyarakat iaitu dengan menyatukan pelbagai lapisan masyarakat, bagi mewujudkan sinergi yang kuat ke arah mencapai kemajuan bersama, selaras dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035.

Menjadi Lambang Pembentukan dan Perpaduan Masyarakat dan Negara Brunei Darussalam (NBD) yang sejahtera dan makmur juga merupakan salah satu komponen yang telah digariskan dalam dasar penubuhan Yayasan Kebawah Duli Tuan Patik.

Dalam mendukung tema tersebut, Yayasan Kebawah Duli Tuan Patik mengetengahkan beberapa kumpulan peserta yang memainkan peranan penting dalam mendekati dan memahami keperluan masyarakat secara lebih mendalam. Mereka merupakan saluran utama dalam merakit dan menyantuni, merapatkan hubungan, dan membimbing ahli-ahli masyarakat ke arah pembangunan yang lebih holistik.

Kumpulan pertama mewakili komuniti tempatan di peringkat akar umbi yang memahami keperluan dan aspirasi penduduk setempat ke arah mengukuhkan nilai kerohanian, keharmonian dan kesejahteraan masyarakat. Mereka terdiri daripada ahli Jawatankuasa Takmir dan Belia Masjid dan Surau; ahli Majlis Perundungan Mukim dan Kampung berserta Biro Belia dan Keselamatannya dan juga



SEMBAH alu-aluan daripada Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi Bin Haji Mohd. Yussof, selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) pada Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Anjuran YSHHB 1446 Hijrah / 2025 Masihi, Sabtu, 13 Syawal 1446 bersamaan 12 April 2025 bertempat di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Jawatankuasa Pengawas dan Kejiranah.

Kumpulan peserta kedua pula terdiri daripada para pengusaha mikro, kecil dan sederhana serta syarikat koperasi tempatan yang melaksanakan program pembangunan ekonomi dan pembinaan kapasiti bagi meningkatkan kemahiran dan pengetahuan ke arah membina masa depan masyarakat yang mampan dan berdaya tahan.

>> Muka 6

WAKTU SEMBAHYANG

19 APRIL 2025

| APRIL MASIHI | HARI | SYAWAL HIJRAH | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|-----------------|--------|------------------|--------|--------|--------|--------|---------|--------|---------|--------|
| 19 | SABTU | 20 | 4 . 43 | 4 . 53 | 6 . 12 | 6 . 35 | 12 . 20 | 3 . 32 | 6 . 27 | 7 . 37 |
| 20 | AHAD | 21 | 4 . 43 | 4 . 53 | 6 . 12 | 6 . 34 | 12 . 20 | 3 . 32 | 6 . 27 | 7 . 37 |
| 21 | ISNIN | 22 | 4 . 42 | 4 . 52 | 6 . 11 | 6 . 34 | 12 . 20 | 3 . 33 | 6 . 27 | 7 . 37 |
| 22 | SELASA | 23 | 4 . 42 | 4 . 52 | 6 . 11 | 6 . 34 | 12 . 20 | 3 . 33 | 6 . 26 | 7 . 37 |
| 23 | RABU | 24 | 4 . 42 | 4 . 52 | 6 . 11 | 6 . 34 | 12 . 20 | 3 . 33 | 6 . 26 | 7 . 37 |
| 24 | KHAMIS | 25 | 4 . 41 | 4 . 51 | 6 . 11 | 6 . 33 | 12 . 20 | 3 . 33 | 6 . 26 | 7 . 37 |
| 25 | JUMAAT | 26 | 4 . 41 | 4 . 51 | 6 . 10 | 6 . 33 | 12 . 19 | 3 . 34 | 6 . 26 | 7 . 37 |

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI

| SABTU | AHAD | ISNIN |
|--|----------------|-------------|
| Bandar Seri Begawan | | |
| 32 25 °C | 32 25 °C | 32 25 °C |
| Pekan Bangar | | |
| 32 25 °C | 32 25 °C | 32 25 °C |
| Pekan Tutong | | |
| 32 25 °C | 32 25 °C | 32 25 °C |
| Kuala Belait | | |
| 32 25 °C | 32 25 °C | 32 25 °C |
| Wallauhala Bissawab | www.met.gov.bn | |
| Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi | | |

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

 pelita.brunei@information.gov.bn |  2382891 / 2383400 Smb. : 217 |  2381004 |  www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جا奔 قراغن، جا奔 فردان منtri دان ڈچیتو اوله فرینت قلس سندیرين بحد، نکارابروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

BERANGKAT MENINGGALKAN ALOR SETAR, KEDAH



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat meninggalkan Malaysia selepas menghadiri Majlis Santapan Diraja (atas). Manakala gambar kanan, baginda menada tangan ketika Doa Selamat dibacakan.

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said / Ak. Mohd. Aminol
Adi Azraie Pg. Haji Nikman

ALOR SETAR, KEDAH, Jumaat, 18 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat meninggalkan Malaysia hari ini selepas menghadiri Majlis Santapan Diraja sempena Sambutan Jubli Perak Pemerintahan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Syed Sirajuddin ibni Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail, Raja Perlis yang telah



berlangsung kelmarin di Istana Arau, Perlis.

Berangkat bagi menyembahkan ucapan selamat berangkat Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Syed Faizuddin Putra ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, Raja

Muda Perlis; Yang Amat Mulia Dato' Seri Diraja Syed Badaruddin ibni Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail, Tengku Syarif Bendahara Perlis; Menteri Besar Perlis, Yang Amat Berhormat Tuan Haji Mohd. Shukri bin Ramli; dan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perlis, Yang Berhormat Tuan Muhammad Azmir bin Azizan, selaku Menteri

Pengiring.
Juga hadir ialah Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Malaysia, Tuan Yang Terutama Brigadier Jeneral (B) Dato Paduka Haji Mahmud bin Haji Saidin. Sebelum berangkat balik, Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Perlis, Yang Berbahagia Sahibus Samahah Profesor Dato' Arif Perkasa Dr. Mohd. Asri bin Zainul Abidin.

Berkenan berangkat ke Majlis Santapan Diraja



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Santapan Diraja sempena Sambutan Jubli Perak Pemerintahan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Syed Sirajuddin ibni Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail, Raja Perlis yang berlangsung di Istana Arau, Perlis, Malaysia.

ARAU, PERLIS, Khamis, 17 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Santapan Diraja sempena Sambutan Jubli Perak Pemerintahan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Syed Sirajuddin ibni Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail, Raja Perlis yang berlangsung di Istana

Arau, Perlis, Malaysia. Terdahulu sebelum itu, keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Perlis disambut oleh Yang Berhormat Ahli Dewan Rakyat Parlimen Padang Besar serta persembahan tarian 'Selamat Datang'.

Sejurus berangkat tiba di Istana Arau, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan

dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dialu-alukan oleh Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Syed Faizuddin Putra ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, Raja Muda Perlis dan Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Dr. Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil, Raja Puan Muda Perlis.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia kemudian berangkat bersama Duli Yang Maha Mulia Tuanku Syed Sirajuddin ibni Almarhum Tuanku Syed Putra

Jamalullail, Raja Perlis dan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Tengku Fauziah binti Almarhum Tengku Abdul Rasyid, Raja Perempuan Perlis bagi Majlis Santapan Diraja.

Pada malam ini, pertunjukan bunga api dan persembahan kebudayaan juga menyerikan Sambutan Jubli Perak Pemerintahan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Raja Perlis.

Duli Yang Maha Mulia Tuanku Syed Sirajuddin dimasyurkan menjadi Raja Perlis Ke-7 pada 17 April 2000 iaitu selepas

kemangkatan ayahanda baginda, Almarhum Tuanku Syed Putra ibni Almarhum Syed Hassan Jamalullail.

Sebagai Raja Perlis, baginda memimpin Negeri Perlis dengan menekankan nilai-nilai agama Islam, memajukan infrastruktur dan pembangunan ekonomi negeri, memperkuuh sistem pendidikan serta memelihara warisan budaya. Baginda kemudian ditabalkan sebagai Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia Ke-12 pada 25 April 2002.

KEBAWAH DYMM BERANGKAT TIBA DI MALAYSIA

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said / Ak. Mohd. Aminol
Adi Azraie Pg. Haji Nikman

ALOR SETAR, KEDAH, Khamis, 17 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat tiba di Malaysia bagi menghadiri Majlis Santapan Diraja.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, petang ini berangkat tiba di Malaysia bagi menghadiri Majlis Santapan Diraja sempena Sambutan Jubli Perak Pemerintahan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Syed Sirajuddin ibni Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail, Raja Perlis yang akan berlangsung di Istana Arau, Perlis.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, Alor Setar, Kedah dijunjung oleh Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Syed

Faizuddin Putra ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, Raja Muda Perlis; Yang Amat Mulia Dato' Seri Diraja Syed Badaruddin ibni Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail, Tengku Syarif Bendahara Perlis; Menteri Besar Perlis, Yang Amat Berhormat Tuan Haji Mohd. Shukri bin Ramli; dan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perlis, Yang Berhormat Tuan Muhammad Azmir bin Azizan selaku Menteri Pengiring.

Juga hadir bagi menjunjung keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang



Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama

Brigedier Jeneral (B) Dato Paduka Haji Mahmud bin Haji Saidin. Doa Selamat kemudian dibacakan oleh Mufti Perlis, Yang

Berbahagia Sahibus Samahah Profesor Dato' Arif Perkasa Dr. Mohd. Asri bin Zainul Abidin.



KEBERANGKATAN tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia dijunjung oleh Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Syed Faizuddin Putra ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, Raja Muda Perlis (atas), manakala gambar kanan, baginda menadah tangan ketika Doa Selamat dibacakan.



Pastikan masa depan kesihatan yang sihat

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



>> Muka 1

Ketua Jabatan Makmal, JPMC, Dr. Haji Mohamad bin Haji Kassim dalam ucapan alu-aluannya menekankan bagaimana inovasi dan teknologi membolehkan makmal untuk mengurangkan sisa dan penggunaan tenaga tanpa kompromi terhadap kecemerlangan diagnostik.



YANG Berhormat Menteri Kesihatan, selaku Pengurusi Lembaga Pengarah dan Pengaruh Eksekutif Jerudong Park Medical Centre (JPMC) semasa hadir selaku tetamu kehormat pada Hari Sains Makmal Bioperubatan Antarabangsa (International Biomedical Laboratory Science Day) (atas dan atas kiri). Manakala gambar bawah kiri, Ketua Jabatan Makmal, JPMC semasa menyampaikan ucapan alu-aluannya.



Beliau menyeru untuk kolaborasi antara sektor pengajaran kesihatan untuk memajukan matlamat kemampunan dan memastikan

masa depan kesihatan yang sihat. Majlis diteruskan dengan acara memotong kek yang disempurnakan oleh tetamu

kehormat dan Kumpulan Pengurus Kanan JPMC.

Pada acara itu, Yang Berhormat serta para jemputan khas berpeluang untuk menyaksikan tiga bahagian aktiviti interaktif yang menampilkan permainan dan kuiz yang menarik yang direka untuk memperkenalkan peranan penting saintis makmal.

Pameran tersebut juga mengetengahkan tema kempen 2025 di mana para peserta didedahkan tentang diagnostik klinikal yang mampan melalui pembelajaran secara langsung. Sambutan tahunan ini berfungsi sebagai pengiktirafan sumbangan penting profesional makmal dan demonstrasi komitmen JPMC terhadap kecemerlangan diagnostik.

Ia juga menyerlahkan bagaimana sains makmal terus melibatkan dan mengembangkan impaknya terhadap hasil pesakit dan kesihatan.

UNISSA RAIKAN 17 PENERIMA ANUGERAH KECEMERLANGAN STAFF

Siaran Akbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali



BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 18 April. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pejabat Hal Ehwal Pelajar dengan kerjasama Pejabat Pentadbiran dan Sumber Tenaga Manusia telah mengadakan Majlis Ramah Mesra Hari Raya Aidilfitri dan Penyampaian Anugerah Kecemerlangan Staff 2024 di Auditorium UNISSA, Kampus Gadong.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Rektor UNISSA, Dato Seri Setia Dr. Haji Norfarhan bin Haji Zainal.

Hadir sama bagi menyertai majlis ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh, pegawai-pegawai kanan Kementerian Pendidikan, Duta-duta dan Pesuruhjaya-pesuruhjaya Tinggi Luar Negara ke Negara Brunei Darussalam serta rakan-rakan strategik

industri UNISSA. Majlis menyaksikan penyampaian Anugerah Kecemerlangan Staff bagi tahun 2024 kepada seramai 17 penerima bagi tujuh kategori kecemerlangan berkenaan pengajaran, penyelidikan, pentadbiran dan pengurusan serta penglibatan kemasyarakatan.

Anugerah ini bertujuan untuk memberi inspirasi, galakan dan sebagai sokongan kepada komitmen bersama dalam menyediakan pendidikan tinggi Islam yang berkualiti dan penyelidikan berimpak tinggi yang menjadi pemangkin kepada pembangunan ummah dalam ekosistem berteraskan Maqasid Syariah.

Turut hadir, pegawai-pegawai utama, tenaga akademik dan warga kerja serta mahasiswa/i UNISSA.



MAJLIS Ramah Mesra Hari Raya Aidilfitri dan Penyampaian Anugerah Kecemerlangan Staff 2024 yang diadakan oleh Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pejabat Hal Ehwal Pelajar dengan kerjasama Pejabat Pentadbiran dan Sumber Tenaga Manusia (atas dan atas kiri).

Perasmian Sudut Penerbitan Oman cerminkan hubungan kukuh



Berita dan Foto : Ihsan Haji Osman A Bakar

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 17 April. - Sudut Penerbitan Oman yang telah dirasmikan di Perpustakaan Islam Brunei Darussalam, Pejabat Mufti Kerajaan baru-baru ini adalah sebagai sebuah mercu tanda signifikan dalam ulang tahun penubuhan hubungan diplomatik antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Kesultanan Oman Ke-40.

Sudut penerbitan berkenaan mengetengahkan lebih 500 buah buku yang memperlihatkan kekayaan warisan Kesultanan Oman dalam bidang sejarah, geografi, kebudayaan, kesusastraan dan tradisi termasuk hasil kerja akademik dalam pengajian bahasa Arab, perundangan Islam dan lain-lain disiplin ilmu Islam yang boleh menjadi sumber berharga bagi penyelidik, pelajar dan orang ramai.

Timbalan Mufti Kerajaan, Dato Seri Setia Dr. Haji Japar bin Haji Mat Dain @ Maidin, ketika menghadiri majlis tersebut telah merakamkan penghargaan dan amat berbesar hati terhadap usaha berkenaan.

Sementara itu Duta Besar Istremewa dan Mutlak Kesultanan Oman ke NBD, Puan Yang

menghormati, harmoni dan saling menyokong.

Sudut Penerbitan Oman, tambah Puan Yang Terutama adalah lebih daripada hanya sebuah koleksi buku, tetapi ia juga merupakan jambatan ilmu dan pertukaran budaya, menawarkan peluang yang unik bagi masyarakat Oman dan Brunei untuk meneroka serta belajar daripada sejarah, tradisi dan cita-cita intelektual satu sama lain.



DUTA Besar Istremewa dan Mutlak Kesultanan Oman ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Erma Said Mohamed Al Kathiry semasa hadir menyaksikan Sudut Penerbitan Oman di Perpustakaan Islam Brunei Darussalam, Pejabat Mufti Kerajaan (atas sekali dan atas).

Perkenan bagi penyelarasan nama 2 sekolah

Siaran Akbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

>> Muka 1

Penyelarasan berkenaan adalah bertujuan antaranya bagi meningkatkan tadbir urus persekolahan Arab dari sudut penggunaan nama sekolah yang disesuaikan dengan peringkat pembelajaran dan warga pelajar, serta sebagai usaha mengukuhkan latar belakang dan sejarah sekolah yang sangat signifikan dengan kemajuan negara khususnya dalam melahirkan rakyat yang berpendidikan tinggi dan berkemahiran di bidang agama atau Arab.

SARIPAD berkenaan digunakan oleh Sekolah Persediaan Arab Bandar Seri Begawan (SPABS) yang menempatkan pelajar-pelajar perempuan peringkat rendah atas, Tahun 5 dan Tahun 6.

Manakala, STAHB sebelumnya dikenali sebagai SMALHB adalah merupakan satu-satunya pusat pendidikan Arab peringkat Pra-U bagi pelajar-pelajar lelaki dan perempuan di negara ini.

Tarikh penguatkuasaan penyelarasan nama bagi sekolah-sekolah berkenaan telah bermula pada Sabtu, 28 Ramadan 1446 Hijrah bersamaan 29 Mac 2025 Masihi.

Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia Sila muat turun

PenggunaBijak

The app interface shows a list of items with prices and a search bar. The background features images of various food items.

TERAPKAN KEMAHIRAN KEUSAHAWANAN, PERNIAGAAN PELAJAR UNISSA

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 18 April. - Badan Pelajar Ekonomi dan Kewangan Islam (iFESS) dari Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam (FEKlm), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dengan sokongan Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) menganjurkan Hari Keusahawanan UNISSA 2025 bermula hari ini hingga 20 April 2025, bertempat di BIBD Connects, di ibu negara.

Majlis perasmian disempurnakan oleh Rektor UNISSA, Dato Seri Setia Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal selaku tetamu kehormat.

Turut hadir, Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif BIBD, Awang Junaidi bin Haji Masri bersama pegawai-pegawai kanan BIBD dan pegawai-pegawai eksekutif UNISSA.

Dalam ucapan yang disampaikan oleh Pengurus iFESS sesi 24/25, Awang Mahmud Ameer Syahmi bin Mahmud Kashfi antara

lain menyatakan, Hari Keusahawanan UNISSA 2025 pada tahun ini merupakan anjuran kali keempat yang diungkayahkan sepenuhnya oleh iFESS dan merupakan pertama kali ia diadakan di luar kampus UNISSA.

Katanya, penganjuran aktiviti berkenaan bukan sahaja memberi peluang kepada para usahawan tempatan sebagai peserta dalam ekspos keusahawanan berskala kecil tetapi juga memberi peluang pengalaman dan kemahiran yang baharu dalam penganjuran ekspos keusahawanan di luar kampus universiti.

Seramai 43 usahawan menyertai acara berkenaan, termasuk penyertaan daripada mahasiswa dan mahasiswa Tahun 4, FEKlm, UNISSA yang terlibat dalam 'Entrepreneurship Project' sebagai projek tahun akhir mereka.

Penglibatan para pelajar dalam program berkenaan membuktikan kesungguhan pelajar dalam

menerapkan kemahiran keusahawanan dan perniagaan di dalam konteks sebenar.

Acara bukan sahaja membuka peluang kepada pelajar untuk meneroka dunia keusahawanan, malah ia turut menyediakan platform kepada usahawan tempatan untuk mempamerkan dan memasarkan produk mereka kepada orang ramai.

Kerjasama dari BIBD dalam memberikan sokongan yang utuh dan berterusan kepada program berkenaan juga membuktikan kepentingan pemegang taruh dalam membina ekosistem keusahawanan yang mampar.

Acara turut mendapat sambutan daripada orang ramai yang hadir bagi memeriahkan suasana dan memberikan sokongan kepada para peniaga tempatan dan pelajar usahawan.

Hari Keusahawanan UNISSA 2025 diadakan pada jam 2.00 petang hingga 10.00 malam pada Jumaat dan Sabtu, manakala pada Ahad pula bermula jam 7.00 pagi hingga 10.00 malam.

Orang ramai adalah dialu-alukan untuk sama-sama memberikan sokongan dalam menggalakkan perkembangan keusahawanan dalam kalangan belia dan komuniti di Negara Brunei Darussalam.



REKTOR Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) hadir selaku tetamu kehormat pada Hari Keusahawanan UNISSA 2025 di BIBD Connects dan seterusnya membuat lawatan ke salah sebuah reraui yang menyertai ekspos berkenaan (atas kanan dan kiri).

>> Muka 2

Manakala kumpulan ketiga pula terdiri daripada Pertubuhan Bukan Kerajaan (Non-Governmental Organisations - NGOs) yang melaksanakan program rehabilitasi dan sosioekonomi bagi membantu meningkatkan kualiti hidup masyarakat yang memerlukan bantuan.

Komitmen dan peranan kesemua kumpulan peserta ini setentunya dapat memberikan impak positif terhadap keharmonian dan kesejahteraan masyarakat yang bersatu padu, berdaya tahan, inklusif dan dinamik bagi mencapai aspirasi negara - Wawasan Brunei 2035.

Disebutkan bahawa bersempena dengan sambutan Hari Raya Aidilfitri untuk kali yang ke-21 tahun ini, Yayasan Kebawah Duli Tuan Patik telah menerbitkan sebuah buku khas bertajuk 'Titah-Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Majlis - Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah 2003 - 2024'.

Buku ini mengumpulkan sebanyak 20 titah-titah Kebawah Duli Tuan Patik semasa Sambutan Hari Raya Aidilfitri anjuran Yayasan Kebawah Duli Tuan Patik sejak tahun 2003, buku ini merupakan suatu khazanah berharga yang akan dapat dijadikan sebagai panduan dan rujukan dalam sama-sama mendukung aspirasi negara mencapai matlamat Wawasan

Brunei 2035.

Atur cara majlis juga seperti tahun-tahun sebelumnya akan diserikan dengan acara perselembahan yang meriah dan warna-warni daripada seramai 176 orang pelajar Sekolah dan Taman Asuhan Kanak-Kanak Yayah Duli Tuan Patik.

Dalam mendukung tema sambutan pada tahun ini, sebanyak 22 agensi dari sektor kerajaan, swasta dan badan-badan bukan kerajaan menyertai pameran dengan memperlihatkan inisiatif dan program masing-masing dalam menyokong perpaduan sosial dan pembangunan negara, seperti melalui program-program komuniti, perusahaan sosial, pendidikan, kaunseling, dan inovasi teknologi.

Pameran ini menggambarkan kepentingan sinergi antara semua sektor dalam mengukuhkan semangat perpaduan bagi merealisasikan aspirasi negara, dengan memberi penghargaan kepada usaha kolektif yang mendorong pembangunan sosioekonomi dan mencapai kejayaan sebagai masyarakat yang bersepudu dan berdaya tahan.

Dalam hubungan ini, disebutkan di sepanjang tahun lalu dan tahun 2025 ini, beberapa buah Suruhanjaya Tinggi dan Kedutaan Besar negara sahabat di NBD masing-masing Australia, China, Malaysia, Republik Indonesia, Republik Singapura dan Turkiye turut sama bergiat aktif di dalam memberikan sumbangan bermakna pada menjayakan pelbagai

projek kemasyarakatan dan kebajikan kelolaan Yayasan Kebawah Duli Tuan Patik.

Pada mengakhiri sembah alu-aluan ini, sekali lagi hamba Kebawah Duli Tuan Patik dengan penuh hormat dan takzimnya menyembangkan ucapan setinggi-tinggi menjunjung kasih di atas keberangkatan Kebawah Duli Tuan Patik bercemar duli ke majlis ini dan diatas kurnia titah.

Hamba Kebawah Duli Tuan Patik di akhir kesempatan ini menjunjung perkenan Kebawah Duli Tuan Patik pada menyembangkan ucapan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis paduka-paduka anakanda dan paduka adinda Kebawah Duli Tuan Patik di atas keberangkatan ke majlis pagi ini.

1. Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri;

2. Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Penggerusi Jemaah Tadbir Yayasan Kebawah Duli Tuan Patik;

3. Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuri Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien;

Dan

4. Yang Amat Mulia-Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria
Ucapan menjunjung kasih dan terima kasih diatas keberangkatan dan kehadiran Yang Berhormat Menteri-menteri Kabinet, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat, Yang Mulia Timbalan-timbalan Menteri serta dhif-dhif kehormat dan para hadirin dan hadirat sekalian.

Demikian juga hamba Kebawah Duli Tuan Patik sukacita mengucapkan penghargaan dan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Jawatankuasa dan segenap tenaga kerja yang sama-sama menyumbang pada menjayakan dan menyempurnakan majlis yang bermakna ini.

Hamba Kebawah Duli Tuan Patik dengan menyusun jari sepuluh jua menjunjung ampuh beribu-ribu ampuh Kehadapan Majlis Kebawah Duli Tuan Patik dan ahli-ahli kerabat diraja Kebawah Duli Tuan Patik sekiranya terdapat sorok langkah yang kurang manis dan tertib dan apa jua kekurangan dan kekhilafan yang tidak abis hamba-hamba Kebawah Duli Tuan Patik sengajakan dalam pengendalian majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri anjuran Yayasan Kebawah Duli Tuan Patik pada pagi ini.

Sekian, *Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

Hamba Kebawah Duli Tuan Patik Menjunjung Anugeraha.



NATIONAL ROAD SAFETY COUNCIL
BRUNEI DARUSSALAM

Hari itu dia ikut tanpa memakai tali pinggang keledar, tidak menyedari itu kali terakhir.

Lelaki, 6 tahun



Keselamatan Jalan Raya bergantung kepada Awda dan Saya

www.mkkjr.gov.bn

MEMPERKASA ILMU PENGETAHUAN, MEMPERKUKUH JARINGAN KERJASAMA ANTARABANGSA



■ Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 16 April. - Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah menganjurkan

program Ambassadorial Lecture Series buat julung kalinya, menampilkan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Turkiye ke Negara Brunei Darussalam, Tuan



Yang Terutama Profesor Dr. Hamit Ersoy bertempat di Dewan Jubli UNISSA.

Syarahan akademik bertajuk 'The Ottoman Contribution to the Modern Islamic Civilisation'

mengupas sumbangan besar Empayar Uthmaniyyah dalam membentuk tamadun Islam moden, termasuk dalam bidang pentadbiran, pendidikan, seni bina dan ilmu pengetahuan.

DUTA Besar Istimewa dan Mutlak Republik Turkiye ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Profesor Dr. Hamit Ersoy semasa menyampaikan syarahan akademik bertajuk 'The Ottoman Contribution to the Modern Islamic Civilisation' (kiri sekalii). Sementara gambar kiri, Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) semasa menyampaikan cenderamata kepada Tuan Yang Terutama Profesor Dr. Hamit Ersoy.

Turut hadir, Rektor UNISSA, Dato Seri Setia Dr. Haji Norarfhan bin Haji Zainal bersama para pegawai utama, dekan, pensyarah dan pelajar UNISSA.

Program ini mencerminkan komitmen UNISSA dalam memperkasa ilmu pengetahuan serta memperkuuh jaringan kerjasama antarabangsa melalui perkongsian ilmuwan bertaraf global.

Satu lagi syarikat dibenarkan kendali pakej umrah

■ Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Ehwal Ugama melalui Jabatan Urusan Haji sukacita

| | |
|-----|---|
| 1. | Darussalam Services Sdn. Bhd. (DSSB) |
| 2. | Straits Central Agencies (B) Sdn. Bhd. (SCA) |
| 3. | Continental Yachting Sdn. Bhd. |
| 4. | Raudah Al-Amin Sdn. Bhd. (RAA) |
| 5. | Titian Travel and Tours Sdn. Bhd. |
| 6. | At-Taqwa Travel Tours Sdn. Bhd. |
| 7. | Dar El-Ehsan Travel and Tours Sdn. Bhd. (DEE) |
| 8. | Al-Hijrah Travel and Tours Sdn. Bhd. (AHTTSB) |
| 9. | Balurih Travel Sdn. Bhd. |
| 10. | As-Safa Travel and Tours Sdn. Bhd. |
| 11. | Al-Abraj Travel and Tours Sdn. Bhd. |
| 12. | Aleiya Voyages Sdn. Bhd. |
| 13. | Al-Hajat Tours and Travels Agency Sdn. Bhd. |
| 14. | Al-Haramain Bil Iman Travel and Tours Sdn. Bhd |
| 15. | Al-Miqat Travel and Tours Sdn. Bhd |
| 16. | Firdaus Al-Munawwarah Travel Services Sdn. Bhd. |
| 17. | Ghufran Travel and Tours Sdn. Bhd. |
| 18. | Hayya Travel and Tours Sdn. Bhd. |
| 19. | Humaira Travel Centre (Borneo) Sdn. Bhd. |
| 20. | Hurriyah Travel Services Sdn. Bhd. |
| 21. | Ijtihad Travel Sdn. Bhd. |
| 22. | Lamisa International Tours & Travels Sdn. Bhd. |
| 23. | Maduli Agency Travel Sdn. Bhd. |
| 24. | Mustaqim Travel and Tours Sdn. Bhd. |
| 25. | Az-Zain Travel and Tours Sdn. Bhd. |
| 26. | Az Back To Nature Travel Sdn. Bhd. |
| 27. | El-Abqari Travel and Tours Sdn. Bhd. |
| 28. | Humzaik Travel and Tours Sdn. Bhd. |
| 29. | Qamaroon Tours Sdn. Bhd. |
| 30. | Simply Umrah (B) Travel & Tours Sdn. Bhd. |
| 31. | JB Travel Agencies Sdn. Bhd. |
| 32. | PGGMB Travel Service Sdn. Bhd. |
| 33. | Al-Hambra Travel And Tours Sdn Bhd. |
| 34. | An-Nur Al-Khayr Travel & Tours Sdn Bhd. |

memaklumkan bahawa sebuah lagi agensi pelancongan diberikan kebenaran untuk mengendalikan perkhidmatan Pakej Umrah menggunakan Visa Pelancong Arab Saudi bagi Tahun 2025 Masihi iaitu An-Nur Al-Khayr Travel & Tours Sdn. Bhd.

Dengan kebenaran yang diberikan tersebut, maka pada masa ini sebanyak 34 buah agensi pelancongan telah diberikan kebenaran untuk mengendalikan perkhidmatan Pakej Umrah menggunakan Visa Pelancong Arab Saudi bagi Tahun 2025 Masihi.

Antara syarikat tersebut ialah Syarikat Darussalam Holdings Sdn. Bhd., Syarikat Straits Central Agencies Sdn. Bhd, Syarikat Continental Yachting Sdn. Bhd., Syarikat Raudah Al-Amin Sdn. Bhd., Syarikat Titian Travel & Tours Sdn. Bhd., Syarikat At-Taqwa Travel Tours Sdn. Bhd., Syarikat Dar El-Ehsan Travel & Tours Sdn. Bhd., Syarikat Al-Hijrah Travel & Tours Sdn. Bhd. dan Syarikat Balurih Travel Sdn. Bhd.

Seterusnya, Syarikat As-Safa Travel & Tours Sdn. Bhd., Syarikat Al-Abraj Travel & Tours Sdn. Bhd., Syarikat Aleiya Voyages Sdn. Bhd., Syarikat El-Hajat Tours & Travels Agency Sdn. Bhd., Syarikat Al-Haramain Bil Iman Travel & Tours Sdn. Bhd, Syarikat Al-Miqat Travel & Tours Sdn. Bhd., Syarikat Firdaus Al-Munawwarah Travel Services Sdn. Bhd. dan Syarikat Ghufran Travel & Tours Sdn.Bhd.


Sementara itu, Syarikat Hayya

Kanser Kolorektal

Kanser kolorektal adalah kanser No. 1 di kalangan **lelaki dan No. 2 di kalangan **wanita** di Negara Brunei Darussalam.**

Penyebab bagi:

- 1 dalam 10 kanser lelaki
- 1 dalam 5 kanser wanita



Faktor Risiko

- Lelaki mempunyai risiko yang lebih tinggi dari wanita
- Mempunyai ahli keluarga yang menghidap kanser kolorektal
- Pernah menghidap kanser kolorektal
- Obes
- Merokok
- Tidak aktif secara fizikal
- Diet yang rendah serat dan tinggi lemak
- Meminum alkohol yang berlebihan

Langkah Pencegahan

| | |
|--|--|
|  Tidak merokok |  Mengelakkan berat badan yang sihat |
|  Perbanyak makan buah-buahan dan sayur-sayuran |  Meningkatkan aktiviti fizikal |
|  Elakkan minuman minuman keras |  Pengesanan awal untuk kanser kolorektal |

Tanda-Tanda Kanser Kolorektal



Perubahan tabiat membuang air besar



Darah dalam najis



Sakit perut yang berpanjangan



Perut kembung



Kurang selera makan

Jika anda mengalami tanda-tanda tersebut, sila berjumpa dengan doktor untuk pemeriksaan lanjut.

"Pengesanan awal dapat menyelamatkan nyawa"

Untuk maklumat lanjut mengenai Program Pemeriksaan Kanser Kolorektal, sila layari: <https://moh.gov.bn/>



Travel & Tours Sdn. Bhd., Syarikat Humaira Travel Centre (Borneo) Sdn. Bhd., Syarikat Hurriyah Travel Services Sdn. Bhd., Syarikat Ijtihad Travel Sdn. Bhd., Syarikat Lamisa International Tours & Travels Sdn. Bhd., Syarikat Maduli Agency Travel Sdn. Bhd., Syarikat Mustaqim Travel & Tours Sdn. Bhd., Syarikat Az-Zain Travel & Tours Sdn. Bhd. dan Syarikat Az Back To Nature Travel Sdn. Bhd.

Syarikat El-Abqari Travel & Tours Sdn. Bhd., Syarikat Humzaik Travel & Tours Sdn. Bhd., Syarikat Qamaroon Tours Sdn. Bhd., Syarikat Simply Umrah

(B) Travel & Tours Sdn. Bhd., Syarikat JB Travel Agencies Sdn. Bhd., Syarikat PGGMB Travel Services Sdn. Bhd., Syarikat Al-Hambra Travel And Tours Sdn. Bhd. dan Syarikat An-Nur Al-Khayr Travel & Tours Sdn. Bhd.

Senarai penuh agensi-agensi pengendali perkhidmatan Pakej Haji dan Pakej Umrah mengikut Kategori Pakej dan Visa.

Sehubungan itu, orang ramai yang berhasrat untuk menunaikan ibadat umrah bolehlah mengikuti dan berhubung terus dengan agensi-agensi pelancongan yang dibenarkan tersebut.

SEBAHAGIAN JAMBATAN PENGHUBUNG PEJALAN KAKI SELESAI DIBAIK PULIH

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad
Foto : Ihsan Majlis Perundingan Kampung Zon 3 Kampong Ayer



BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 18 April. - Titian pail yang merupakan jambatan penghubung pejalan kaki ke Kampung Setia 'A' sebahagiannya telah siap dibaik pulih memandangkan keadaan yang sudah reput dan tidak selamat digunakan.

Sehubungan itu, Rotary Club of

Bandar Seri Begawan baru-baru ini mengendalikan Projek Membaiak Pulih salah satu jambatan di kampung berkenaan.

Rotary Club of Bandar Seri Begawan telah menaja kira-kira sebanyak 270 keping papan lantai kayu, 16 keping gelagar dan lapan tiang kayu digunakan dalam projek



PARA peserta semasa sesi bergambar ramai pada Projek Membaiak Pulih dikendalikan oleh Rotary Club of Bandar Seri Begawan (atas). Manakala gambar kiri, antara yang hadir menyertai program berkenaan.

membaiak pulih jambatan tersebut.

Kerja-kerja membaiak pulih titian pail sepanjang 45 meter melibatkan kira-kira 60 orang dengan kerjasama penduduk kampung setempat yang melakukan kerja seperti mengganti papan baharu dan sebagainya.

Inisiatif itu telah mula dirancang pada 24 Januari 2025 dalam pertemuan di rumah Penghulu Mukim Zon 2 Kampong Ayer yang mana Pengurus Penganjur, Bidyut Kumar Majumder menyatakan hasrat mereka untuk membantu penduduk Kampong Ayer bagi keselamatan dan kemudahan pengguna jambatan tersebut.

Sementara Jabatan Daerah Brunei dan Muara serta Penghulu Mukim Zon 2 Kampong Ayer, Awang Raimi bin Awg Rashid; Pemangku Ketua Kampung Zon 3 Kampong Ayer, Awang Rahman bin Haji Kassim dan para penduduk kampung tersebut.

Projek seumpama itu akan dilaksanakan lagi pada fasa kedua mengikut keadaan dan keperluan jambatan yang rosak di Kampong

Ayer. Mewakili penduduk Kampong Ayer, Awang Raimi mengucapkan ribuan terima kasih kepada Rotary Club of Bandar Seri Begawan kerana berkesudian menjaga dan mengungkayahkan membaik pulih jambatan kayu di Kampong Ayer dalam sama-sama memeduli akan kepentingan penduduk kampung berkenaan.

"Tidak lupa juga diucapkan terima kasih kepada Jabatan Daerah Brunei dan Muara atas sokongan mereka dalam menjayakan projek ini dan juga ribuan terima kasih kepada penduduk kampung yang sudi bergotong-royong dalam menjayakan aktiviti tersebut", katanya lagi.

47 pelajar cemerlang SMSSA diraikan

SESI bergambar ramai pada Majlis Penyampaian Akademik tahunan Sekolah Menengah Sultan Sharif Ali, Kampung Salambigar bagi peperiksaan Brunei-Cambridge GCE (BCGCE) 'O' Level dan IGCSE tahun 2024.

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 18 April. - Seramai 47 pelajar dari Sekolah Menengah Sultan Sharif Ali (SMSSA), Kampung Salambigar diraikan atas pencapaian akademik mereka pada Majlis Penyampaian Anugerah Akademik tahunan sekolah bagi peperiksaan Brunei-Cambridge GCE (BCGCE) 'O' Level dan IGCSE tahun 2024.

Dalam majlis berkenaan, enam pelajar turut diraikan kerana berjaya menamatkan Program Pra-Vokasional selama lima tahun bagi sesi 2020 hingga 2024 dengan jayanya.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pemangku Ketua Kampung Sungai Hanching dan Kampung Salambigar, Awang Mohamad Sukairi bin Haji Abd. Rahman.

Turut hadir, pegawai-pegawai dari Jabatan Sekolah-sekolah (JSS), Kementerian Pendidikan.

Rakan-rakan strategik JSS, iaitu KFC Brunei Sdn. Bhd., Sabli Food Industries Sdn. Bhd. dan Satami Group of Companies juga hadir sebagai tetamu khas.



Terdahulu, ucapan alu-aluan telah disampaikan oleh Pengetua Sekolah Menengah Sultan Sharif Ali, Dayang Hajah Noor Zinatul Ashiqin binti Haji Ibrahim, diikuti dengan ucapan daripada tetamu kehormat majlis.

Sebanyak empat anugerah telah disampaikan kepada para pelajar oleh tetamu kehormat majlis, iaitu Anugerah Kecemerlangan Akademik, Kategori A* dalam BC GCE 'O' Level dan IGCSE 2024 khususnya dalam mata pelajaran Sastera; Anugerah Pelajar Progresif, dan Anugerah Pelajar Terbaik.

Tetamu Kehormat Majlis juga menyampaikan sijil tamat Program Pra-Vokasional kepada enam

pelajar.

Turut diadakan ialah penyampaian anugerah dan sijil penghargaan kepada 19 guru yang telah menunjukkan peningkatan dalam pencapaian pelajar mengikut mata pelajaran khususnya dalam Bahasa Melayu, IGCSE English, IGCSE Mathematics, Additional Mathematics, Accounting, History, Physics, Chemistry, Malay Literature, Food and Nutrition yang juga disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Manakala seramai tiga guru telah dianugerahkan atas pencapaian Sasaran Kebangsaan atau National Target bagi tahun 2024 khususnya dalam mata

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Sekolah-sekolah

pelajaran Physics, History dan Additional Mathematics.

Rakan-rakan strategik JSS, iaitu KFC Brunei Sdn. Bhd., Sabli Food Industries Sdn. Bhd. dan Satami Group of Companies masing-masing menyampaikan sijil penyertaan kepada empat pelajar Program Pra-Vokasional kerana berjaya menamatkan penempatan latihan kerja pada tahun 2024.

Pengurus Perolehan dari KFC Brunei Sdn. Bhd., Clarice Petrus, menyampaikan sijil penyertaan kepada enam pelajar Program Pra-Vokasional yang berjaya menamatkan Aktiviti

Pembungkusan Kondimen KFC di Sekolah Menengah Sultan Sharif Ali, sebuah projek kolaborasi antara KFC Brunei Sdn. Bhd. dan JSS, Kementerian Pendidikan sejak tahun 2014.

Pada akhir majlis, Awang Irfan Zufayri bin Haji Murdy, penerima Anugerah Pelajar Terbaik bagi tahun 2024 menyampaikan ucapan kepada hadirin dengan menzahirkan penghargaan kepada ibu bapa, guru-guru dan rakan-rakan beliau serta berkongsi kata-kata semangat dan nasihat kepada pelajar-pelajar Tahun 11 Sekolah Menengah Sultan Sharif Ali tahun 2025.

QARI NEGARA TERIMA UNDANGAN MEMBACA AL-QURAN DI THAILAND



Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohd. Zul-Izzi
Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN,
Jumaat, 18 April. - Johan qari

Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi, Awang Haji Muhammad bin Ali, pagi tadi berlepas meninggalkan

Negara Brunei Darussalam bagi menghadiri undangan untuk membuat persembahan membaca Al-Quran pada Majlis Sambutan Mawlid Al-Nabawi di Pusat Pentadbiran Kebangsaan bagi Hal Ehwal Islam Daerah Nongchock, Thailand bermula hari ini hingga 20 April 2025 (atas dan kiri).



JOHAN qari Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi menghadiri undangan untuk membuat persembahan membaca Al-Quran pada Majlis Sambutan Mawlid Al-Nabawi di Pusat Pentadbiran Kebangsaan bagi Hal Ehwal Islam Daerah Nongchock, Thailand bermula hari ini hingga 20 April 2025 (atas dan kiri).

Pusat Pentadbiran Kebangsaan bagi Hal Ehwal Islam Daerah Nongchock, Thailand bermula hari ini hingga 20 April 2025.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat baylorialah Ketua Bahagian Kemajuan Syiar Islam, Bahagian Kemajuan Syiar Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Aziman bin Haji Awang

Zaman.

Rombongan disertai bersama Pegawai Tugas-tugas Khas Tingkat I, Bahagian Perhubungan Awam, Antarabangsa dan MABIMS, KHEU, Pengiran Muhammad Azrin bin Pengiran Jarail, selaku Pegawai Pengiring.

Pada Majlis Sambutan Mawlid Al-Nabawi berkenaan, beberapa wakil dari Negara-negara Anggota ASEAN turut diundang bagi menyertai Tilawah Al-Quran berkenaan.

Selamatkan Usus Awda.

Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppkk.gov.bn

*Sasaran pemeriksaan:
Lebak atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

PENGESANAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA

Sehatlah Usus Awda

Tingkatkan akses produk, perkhidmatan kewangan tersedia

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Infografik : Universiti Teknologi Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 18 April. - Universiti Teknologi Brunei (UTB) dengan kerjasama Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) sedang menjalankan Kaji Selidik Rangkuman Kewangan dari Segi Permintaan Negara Brunei Darussalam (NBD) 2025 sehingga 30 April.

Kaji Selidik ini bertujuan untuk mengukur tahap rangkuman kewangan di NBD, selain itu, mengenal pasti sebarang jurang dan halangan, serta meningkatkan lagi akses kepada produk dan perkhidmatan kewangan yang tersedia di negara ini.

Bagi setiap kaji selidik yang lengkap (satu bagi setiap isi rumah) berhak untuk mendapatkan cenderahati bernilai BND10.

Orang ramai yang ingin mendaftar bolehlah mengimbas kod QR atau layari pautan <https://forms.office.com/r/dXpwTNTMa6> untuk mendaftarkan minat untuk menyertai kaji selidik dan ia terbuka kepada rakyat dan penduduk tetap sahaja.

Sehubungan dengan itu, semua warga perkhidmatan awam dipohonkan untuk memberi kerjasama untuk menjawab kaji selidik ini. Semua maklumat yang diberikan akan dirahsiakan dan digunakan bagi tujuan penyelidikan sahaja.

Kerjasama semua warga perkhidmatan awam dan orang ramai adalah sangat dihargai dan terlebih dahulu diucapkan terima kasih.

Untuk sebarang pertanyaan lanjut, boleh menghubungi Dr. Nor Zainah Siau, di talian +673 2461020 sambungan 5248 atau melalui e-mel fincsurvey@utb.edu.bn



+673 2461020/1/2/3
fincsurvey@utb.edu.bn
www.utb.edu.bn/fincsurvey

Kaji Selidik Rangkuman Kewangan Dari Segi Permintaan

Negara Brunei Darussalam 2025

B\$10

Lengkapkan kaji selidik untuk mendapatkan cenderahati

Bagi setiap kaji selidik yang lengkap (satu bagi setiap isi rumah), awda berhak untuk mendapatkan cenderahati bernilai B\$10*.

Objektif

- Untuk mengukur tahap rangkuman kewangan di Negara Brunei Darussalam;
- Untuk mengenal pasti sebarang jurang dan halangan; dan
- Untuk meningkatkan lagi akses kepada produk dan perkhidmatan kewangan yang tersedia di negara ini.



Bagaimana mendaftar?

Imbas kod QR ini atau layari pautan di bawah untuk mendaftarkan minat awda untuk menyertai kaji selidik ini.

Terbuka kepada rakyat dan penduduk tetap sahaja.
<https://forms.office.com/r/dXpwTNTMa6>

*Kaji selidik mestilah lengkap dan peserta hendaklah mendaftar. Hanya SATU kaji selidik bagi setiap isi rumah.

MENINGKATKAN KEMAHIRAN LITERASI BAHASA ARAB



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 17 April. - Kumpulan 'Kuih Tapai' berjaya memenangi tempat pertama pada Program Eksplorasi Melayu Islam Beraja (MIB) 2.0 yang berlangsung di Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah (SASHHB), Rimba hari ini.

Manakala, pemenang tempat kedua diraih Kumpulan 'Kuih Koci',

manakala tempat ketiga milik kumpulan 'Kuih Bingka'.

Sementara Kumpulan 'Kuih Jit Manis' dan Kumpulan 'Kuih Jala', masing-masing mendapat tempat keempat dan kelima.

Seramai 289 pelajar Tahun 8 SASHHB menyertai program anjuran Pejabat Sekretariat Majlis Tertinggi Melayu Islam

Beraja (MTMIB) dengan kerjasama Pusat Ilmu Teras dan Pusat Bahasa, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB).

Hadir melancarkan program berkenaan, Penolong Ra'es (Hal Ehwal Akademik), KUPU SB, Dr. Hajah Norwati binti Haji Abu Bakar.

Turut hadir, Pengetua SASHHB, Awang Haji Norhisyam bin Haji Mohd. Noor; pegawai, kakitangan dan ahli jawatankuasa kerja yang terlibat.

Dalam Program Eksplorasi berkenaan, terdapat 10 perhentian (*check point*) yang perlu dilalui oleh pelajar secara berkumpulan.

10 *check point* berkenaan mempunyai arahan, soalan, penyelesaian masalah yang perlu dijawab, dilakukan dan diselesaikan oleh setiap kumpulan dan segala arahan, soalan, penyelesaian masalah adalah dalam bahasa Arab dan bahasa Melayu.

Setiap kumpulan perlu menyelesaikan semua *check point*

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad
Foto : Mohammad Hasif Matzin



SUASANA pada Program Eksplorasi Melayu Islam Beraja (MIB) 2.0 yang berlangsung di Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah (SASHHB), Rimba (atas kiri dan atas).

berkenaan dalam tempoh masa yang ditetapkan.

Adapun objektif program berkenaan diadakan antara lain untuk meningkatkan kemahiran literasi bahasa Arab dengan

mengintegri kandungan MIB, di samping menjana kemahiran berfikir, membuat keputusandan semangat berpasukan dalam kalangan pelajar menerusi aktiviti yang diadakan.

Bengkel bina keyakinan, mempersiapkan diri pelajar hadapi PSR

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



PARA pelajar semasa sesi bergambar ramai Bengkel Motivasi Pelajar Cemerlang bertempat di Dewan Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (SR YSHHB) (atas), manakala gambar bawah kanan, antara yang hadir menyertai bengkel berkenaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 17 April. - Seramai 162 pelajar Tahun 6 Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (SR YSHHB) yang akan menghadapi Peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR) 2025, menghadiri Bengkel Motivasi Pelajar Cemerlang bertempat di Dewan SR YSHHB.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut, Pengetua SR YSHHB, Dayang Hajah Hafizah binti Haji Salat.

Bengkel motivasi tersebut disampaikan oleh penceramah motivasi undangan, Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Nawi, selaku Ketua Fasilitator dari BeManfaat Management Services.

Beliau merupakan seorang motivator yang berpengalaman luas dalam membantu pelajar meningkatkan daya tumpuan, menguruskan tekanan emosi dan

memperbaiki teknik pembelajaran yang berkesan.

Tujuan bengkel tersebut diadakan adalah untuk memberikan motivasi, membina keyakinan diri dan mempersiapkan pelajar untuk menghadapi PSR

dengan lebih tenang dan berkesan.

Selain itu, bengkel itu turut menekankan nilai-nilai murni seperti disiplin, tanggungjawab, dan semangat bekerjasama dalam kalangan pelajar.

Melalui bengkel tersebut, ia dijangka akan memberikan impak yang signifikan kepada pelajar, bukan sahaja dalam pencapaian akademik tetapi juga dalam membentuk peribadi yang lebih positif dan berdedikasi.

Dalam sokongan daripada semua pihak, Bengkel Motivasi Pelajar Tahun 6 menjadi satu langkah penting dalam usaha membina generasi yang cemerlang demi masa depan negara.



PENCERAMAH motivasi undangan selaku Ketua Fasilitator dari BeManfaat Management Services semasa berucap pada bengkel motivasi tersebut.



BANDAR SERI BEGAWAN,
Khamis, 17 April. - Jabatan Perkhidmatan Pengurusan (MSD), Jabatan Perdana Menteri (JPM), selaku Urus Setia Anugerah Inovasi Perdana (AIP), hari ini menganjurkan Hari Terbuka AIP 2025 bertempat di Dewan Serbaguna, Bangunan Bahirah, Jabatan Audit.

Acara berkenaan bertujuan untuk mempromosi penyertaan AIP 2025 yang kini secara rasmi dibukakan kepada semua warga Perkhidmatan Awam (PA), termasuk penyertaan projek usaha sama strategik antara pihak kerajaan dan sektor swasta di bawah inisiatif Public Private Partnership (PPP), khususnya yang memberi impak kepada

penambahbaikan kualiti PA serta manfaat kepada rakyat.

Dalam usaha MSD untuk memastikan hasrat AIP 2025 tercapai, antara pengisian utama Hari Terbuka AIP 2025 termasuk Kaunter Konsultasi AIP yang menyediakan panduan dan sokongan kepada pihak yang berminat untuk menyertai, di samping mengetengahkan Pameran Projek-projek Inovasi daripada beberapa penyertaan

Oleh : Aimi Sani
Foto : Dk. Nur Hafilah
Pg. Osman

AIP terdahulu yang melibatkan agensi seperti Jabatan Perkhidmatan Makmal, Kementerian Kesihatan; Jabatan Buruh, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri; Jabatan Sekolah-sekolah, Kementerian Pendidikan; Jabatananrah Pembangunan dan Perkhidmatan Kerja, Kementerian Pertahanan; Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri; serta Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

Turut diadakan ialah Kempen Derma Darah yang dijayakan bersama oleh Jabatan Perkhidmatan Makmal, Kementerian Kesihatan; dan Syarikat Imagine Sdn. Bhd.

AIP merupakan platform pengiktirafan PA yang menghargai projek-projek inovatif secara individu atau berkumpulan yang telah menunjukkan hasil serta impak ketara terhadap kualiti penyampaian perkhidmatan.

Oleh itu, AIP 2025 mengalau-alukan penyertaan projek berkualiti tinggi yang berpotensi dijadikan penanda aras dan



SUASANA pada Hari Terbuka AIP 2025 bertempat di Dewan Serbaguna, Bangunan Bahirah, Jabatan Audit (atas dan bawah kiri).

amalan terbaik dalam sektor awam.

/ +673 2372065 / +673 2372066 sambungan 528 atau 529.

Tarikh tutup penyertaan AIP 2025 adalah pada 30 April 2025. Untuk maklumat lanjut atau sebarang pertanyaan mengenai penyertaan, pihak yang berminat bolehlah menghubungi Urus Setia AIP melalui e-mel aip@msd.gov.bn ataupun menghubungi talian +673 2372064

MSD berharap penganjuran Hari Terbuka berkenaan dapat merancakkan penyertaan menjurus ke arah penyelesaian inovatif serta menyemarakkan budaya inovasi berterusan ke arah memperkasa kecemerlangan PA di Negara Brunei Darussalam.

مقرنلنکن اقليکاسي موده الیه جابتن ڦراغن

Dapatkan aplikasi dan muat turun di

Available on the App Store GET IT ON Google Play

Memperkenalkan
**Aplikasi Mudah Alih
Jabatan Penerangan**

InfoDeptBN

- Memudahkan Pengguna Mendapat **Berita Terkini**
- Meningkatkan **Perkongsian Maklumat**
- Pelaksanaan Yang **Cepat Dan Mudah**
- Menjurus Ke Arah **Paperless** Dan **Green IT**

Gunakanlah Aplikasi Kami!

'Membudayakan Masyarakat Bermaklumat'

BIBDS TERIMA ANUGERAH 'ASIAN RISING STAR'

Siaran Akhbar dan Foto : Bank Islam Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 18 April. - BIBD Securities Sdn. Bhd. (BIBDS), anak syarikat milik penuh Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), telah menerima anugerah 'Asian Rising Star' di Asia Asset Management 2025 Best of the Best Awards yang berprestij.

Anugerah berkenaan mengiktiraf peserta pasaran yang semakin meningkat di rantau Asia-Pasifik yang telah menunjukkan potensi luar biasa

dan mencapai kejayaan yang signifikan dalam tempoh yang agak singkat.

Pencapaian ini menekankan peranan penting BIBDS dalam memajukan pasaran modal Negara Brunei Darussalam (NBD) dan kepimpinannya dalam pengurusan aset kewangan Islam.

Selain anugerah Rising Star, BIBDS turut memperoleh pelbagai anugerah peringkat negara termasuk Pendidikan Pelabur Terbaik, Syarikat Pengurusan Aset

Islam Terbaik, Pengurus Sukuk Terbaik, Pengurus ESG Terbaik dan Pengurus Aset Runcit Terbaik.

Anugerah-anugerah berkenaan yang diumumkan pada majlis yang berlangsung di Hong Kong baru-baru ini, mencerminkan keupayaan menyeluruh dan komitmen BIBDS terhadap kecemerlangan dalam pelbagai perkhidmatan kewangan.

Komitmen syarikat terhadap pendidikan pelabur dan celik kewangan merupakan teras kepada strateginya, dengan inisiatif yang merangkumi penglibatan di peringkat akar umbi bersama pelajar sekolah rendah dan pengajian tinggi serta kepimpinan pemikiran untuk pelanggan institusi.

BIBDS juga secara berkala menerbitkan *thought pieces*, penyelidikan asli dan analisis pasaran, yang merangkumi tema global seperti aliran kadar faedah, risiko geopolitik dan analisis sentimen yang inovatif menjadikan BIBDS pengurus aset patuh Syariah terkemuka di NBD.

Pengarah Urusan BIBDS, Jason Wong, menekankan peranan penting syarikat dalam membangunkan ekosistem kewangan NBD.

"Kami telah bekerjasama rapat dengan pengawal selia dan pelanggan untuk membangunkan secara aktif ekosistem perkhidmatan kewangan di NBD, menyediakan penyelesaian pelaburan patuh Syariah yang inovatif yang memenuhi keperluan pasaran runcit dan institusi domestik dan antarabangsa.

"Usaha ini adalah sebahagian daripada peranan kami yang lebih luas dalam menyokong Pelan Tindakan Sektor Kewangan NBD, dan komitmen kami untuk membina ekosistem pasaran modal yang lebih kukuh dan inklusif," ujarnya lagi.

Inovasi produk BIBDS dipamerkan melalui pelancaran Lion-BIBDS Islamic Enhanced Liquidity Fund pada Jun 2024,



BIBD Securities Sdn. Bhd. (BIBDS), anak syarikat milik penuh Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), menerima anugerah 'Asian Rising Star' di Asia Asset Management 2025 Best of the Best Awards.

sebuah dana perintis yang diuruskan bersama dengan Lion Global Investors dari Singapura.

Dana berkenaan mewakili dana bersama yang diuruskan secara tempatan di NBD dan dana patuh Syariah pertama yang didaftarkan di Singapura dan NBD, menandakan satu kejayaan dalam eksport kewangan.

Dana berkenaan telah menarik minat pelabur yang kukuh dengan menawarkan pilihan pelaburan berisiko rendah dan mudah dicairkan dengan dividen separa tahunan, memberikan pulangan yang kompetitif sebanyak 4.87 peratus pada Mac 2025, mengatasi penanda arasnya.

Melengkapkan pencapaian berkenaan, Strategi Sukuk ESG Global oleh BIBD Pengurusan Aset dibina berdasarkan tawaran Sukuk utamanya dengan menyepakati kriteria ESG yang ketat bersama pematuhan Syariah. Strategi berkenaan memenuhi permintaan pelabur yang semakin meningkat terhadap produk pelaburan mampan dan beretika dengan secara sistematis, mengecualikan sekuriti tidak patuh dan menumpukan kepada syarikat yang mengamalkan amalan

persekitaran, sosial dan tadbir urus yang kukuh.

Dengan memanfaatkan rangka kerja tadbir urus Syariah yang kukuh, BIBDS kekal di barisan hadapan dalam menterjemahkan visi berkenaan kepada penyelesaian pelaburan yang boleh dilaksanakan.

Melalui kepimpinannya dalam pengurusan aset Islam, pendidikan pelabur, dan kewangan mampan, BIBDS sedang membentuk masa depan pasaran modal NBD dan menyokong hasrat negara untuk menjadi hab kewangan Islam global.

Tambahan pula, usaha BIBDS untuk membangunkan ekosistem kewangan NBD melalui kerjasama dengan pengawal selia dan pelanggan, serta penekanan terhadap celik kewangan dan rangkuman, selaras dengan misi utama BIBD yang lebih luas untuk memperkasa komuniti dan memupuk pertumbuhan yang saksama.

Inisiatif berkenaan menyumbang kepada pembinaan ekonomi yang berdaya tahan, pelbagai dan inklusif selaras dengan Wawasan Brunei 2035.



NATIONAL ROAD SAFETY COUNCIL
BRUNEI DARUSSALAM

Hari itu dia berjalan buat kali terakhir.

Perempuan, lumpuh berusia 31 tahun



Keselamatan Jalan Raya
bergantung kepada Awda dan Saya

 mkkjrbrunei  www.mkkjr.gov.bn

Tingkat kesedaran pelajar tentang risiko penggunaan tembakau

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pendidikan



ANTARA yang menyampaikan taklimat pada Program Pendidikan Kesedaran Anti Tembakau dan Tatacara Tindakan Menangani Kesalahan Rokok atau Vape (kiri dan bawah kanan).

dihadiri oleh para pemimpin sekolah, Guru Kanan Hal Ehwal Pelajar, serta Pengurus Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) dari sekolah-sekolah di bawah Zon 3 yang diadakan di Pusat Tingkatan Enam (PTE), Tutong.

Program Pendidikan Kesedaran Anti Tembakau dan Vape merupakan salah satu inisiatif JSS, Kementerian Pendidikan dalam meningkatkan kesedaran serta membendung gejala sosial yang melibatkan kesalahan disiplin pelajar berkaitan penggunaan rokok atau vape di persekitaran sekolah.

Program berkenaan turut dilaksanakan sebagai usaha

sokongan Kementerian Pendidikan terhadap inisiatif Cross Functional Teams for Health (CFT) 2022 hingga 2025 oleh Kementerian Kesihatan, khususnya dalam menyokong salah satu tindakan utama, iaitu Giving Every Child the Best Start in Life.

Program diisikan dengan sesi taklimat daripada Bahagian Pengurusan Kesihatan, Jabatan Dasar dan Perancangan, Kementerian Kesihatan; Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED), Kementerian Kewangan dan Ekonomi; dan Unit Kesejahteraan dan Perkembangan Pelajar, Bahagian Hal Ehwal Pelajar, JSS, Kementerian Pendidikan.

Antara objektif utama pelaksanaan program berkenaan adalah bagi meningkatkan kesedaran pelajar tentang risiko kesihatan yang berpunca daripada penggunaan tembakau dan vape dengan memberi pemahaman

mengenai kesan negatif terhadap kesihatan dan prestasi akademik, iaitu melalui pendekatan bimbingan serta pelaksanaan pelbagai program dan aktiviti sekolah yang berbentuk pendidikan dan kesedaran.

Selain itu, memperluaskan pemahaman khususnya kepada pelajar, ibu bapa, PIBG, serta Penghulu Mukim dan Ketua Kampung mengenai garis panduan dan tindakan pihak sekolah dalam menangani kesalahan berkaitan penggunaan tembakau dan vape.

Melalui program berkenaan, adalah diharapkan agar pelajar, guru, ibu bapa, serta seluruh warga sekolah serta masyarakat secara amnya dapat memahami peranan masing-masing dalam menangani isu disiplin di sekolah yang melibatkan kesalahan penggunaan tembakau dan vape, serta tindakan yang akan diambil terhadap mereka yang terlibat dalam

kesalahan berkenaan.

Program yang sama telah diadakan bagi sekolah-sekolah di bawah Zon 1 pada 15 April 2025 yang lalu bertempat di Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri (STPRI), sementara bagi sekolah-sekolah di bawah Zon 2 akan diadakan pada 19 April 2025 di PTE, Sengkurong.



TUTONG, Khamis, 17 April. - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Sekolah-sekolah (JSS) hari ini meneruskan lagi Program Pendidikan Kesedaran Anti Tembakau dan Tatacara Tindakan Menangani Kesalahan Rokok atau Vape bagi peringkat sekolah.

Program berkenaan turut

INDEKS KEADAAN PERNIAGAAN MENINGKAT KEPADA TAHAP 50.3

Siaran Akhbar dan Infografik : Brunei Darussalam Central Bank



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 17 April. - Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) telah menerbitkan Indeks Sentimen Perniagaan atau Business Sentiment Index (BSI) Negara Brunei Darussalam (NBD) bagi Februari 2025.

Indeks berkenaan adalah berdasarkan kaji selidik ke atas hampir 500 buah perniagaan bersaiz mikro, kecil, sederhana dan besar dari 11 sektor ekonomi, di kesemua daerah di NBD.

BSI bertujuan untuk mengukur tahap sentimen atau keyakinan perniagaan di NBD dalam pelbagai aspek termasuk keadaan semasa dan jangkaan bagi iklim perniagaan, pelaburan, pengambilan pekerja, dan kos menjalankan perniagaan.

Memandangkan BSI menggunakan pendekatan berpandangan ke hadapan, indeks berkenaan boleh digunakan sebagai salah satu petunjuk awal keadaan makroekonomi negara.

Indeks utama BSI, iaitu sub-indeks keadaan perniagaan adalah 50.0 bagi Februari 2025. Indeks berkenaan mencerminkan sentimen berlainan mengikut sektor. Kebanyakan perniagaan mempunyai sentimen neutral dengan laporan keadaan perniagaan yang lebih kurang sama dengan bulan sebelum ini dan juga projek-projek yang sedang berjalan.

Sementara itu, sentimen optimistik didorong oleh peningkatan jualan berikutan persiapan musim perayaan serta projek-projek baharu yang menyumbang kepada prestasi yang lebih baik dalam sesetengah sektor.

Walau bagaimanapun, terdapat juga sentimen pesimistik yang ketara pada Februari disebabkan oleh beberapa faktor seperti peningkatan waktu bekerja, pembayaran tertunda daripada pelanggan, penangguhan projek, keadaan cuaca buruk, serta pengurangan aktiviti perniagaan selepas Sambutan Tahun Baharu Cina dan penerimaan bonus.

Indeks keadaan perniagaan bagi satu bulan ke hadapan meningkat kepada tahap 50.3, menandakan

sektor perniagaan seperti minyak dan gas serta yang berkaitan, kesihatan dan pendidikan, serta perkhidmatan swasta lain melaporkan pengambilan pekerja baharu yang didorong oleh projek-projek yang sedang berjalan, rancangan pengembangan, serta untuk meningkatkan kecekapan dan menyokong fasa operasi baharu.

Memandang ke hadapan, tahap pekerjaan dijangka terus meningkat memandangkan banyak perniagaan membuat persiapan untuk projek-projek baharu dan peningkatan permintaan semasa musim perayaan.

Sektor-sektor seperti sektor perdagangan borong dan runcit merancang untuk mengambil pekerja sambilan sebagai persediaan menghadapi peningkatan aktiviti perniagaan yang dijangkakan.

Sub-indeks kos perniagaan adalah 49.8 bagi Februari 2025 dan satu bulan ke hadapan. Bagi Februari 2025, beberapa perniagaan melaporkan pengurangan kos berikutan langkah-langkah penjimatkan kos, pengurangan aktiviti operasi, serta penurunan kos gaji akibat perletakan jawatan atau penamatkan kontrak pekerja.

Memandang ke hadapan, penurunan kos yang dijangkakan bagi sesetengah perniagaan adalah sebahagian besanya disebabkan oleh jangkaan peningkatan waktu operasi pada bulan Ramadan. Beberapa syarikat lain juga merancang untuk mengurangkan perbelanjaan bagi bahan mentah dan penyelenggaraan yang terus menyumbang kepada jangkaan pengurangan kos.

Dari segi sektor ekonomi, hanya satu daripada 11 sektor, iaitu perdagangan borong dan runcit, menjangka keadaan perniagaan yang optimistik pada Februari 2025, dengan indeks 50.1, yang didorong oleh peningkatan jualan berikutan persiapan untuk sambutan bulan Ramadan dan Hari Raya Aidilfitri.

Sebaliknya, lima sektor menunjukkan keadaan perniagaan yang merosot, sektor perkhidmatan lain menghadapi kemerosotan disebabkan faktor bermusim, pengurangan aktiviti pelanggan, dan cabaran operasi; sektor pertanian, perhutanan, perikanan dan ternakan menghadapi cabaran seperti permintaan yang lebih rendah selepas Sambutan Tahun Baharu Cina, cuaca buruk, dan kekurangan tenaga kerja; sektor pembinaan mengalami pengurangan aktiviti akibat gangguan cuaca dan penyelesaian projek; sektor kesihatan dan pendidikan, terutamanya perkhidmatan kesihatan, mengalami penurunan disebabkan bulan yang lebih pendek dan cuti perayaan; dan sektor pengangkutan dan komunikasi menurun secara keseluruhan akibat pengurangan perjalanan jarak jauh dan aktiviti penghantaran.

Memandang tiga bulan ke hadapan, tahap pelaburan juga dijangka akan meningkat dengan permulaan projek-projek baharu, pelaksanaan rancangan pengembangan perniagaan, serta pembelian peralatan atau mesin tambahan.

Sub-indeks pengambilan pekerja berada pada tahap 50.6 bagi Februari 2025 dan 50.3 bagi satu bulan ke hadapan. Ini menunjukkan bahawa perniagaan sedang aktif mengambil pekerja untuk memenuhi keperluan operasi dan menyokong pertumbuhan masa depan, khususnya bagi syarikat-syarikat saiz sederhana dan besar.

Bagi Februari 2025, beberapa

106 pelajar cemerlang Maktab SOAS diraikan

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 17 April. - Seramai 106 pelajar Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddien (SOAS) menerima sijil masing-masing pada Majlis Penyampaian Anugerah Akademik Maktab SOAS bagi Sesi 2024 yang berlangsung di Auditorium, maktab berkenaan, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sijil-sijil kepada para pelajar, Pemangku Penolong Pengarah Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan, Dr. Mohamad Khairul bin Haji Matusin.

Majlis dimulakan dengan nyanyian Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' dan lagu maktab disusuli dengan bacaan Surah Al-Fatiha dan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran.

Pada majlis berkenaan, seramai 70 penuntut telah mendapat keputusan cemerlang dalam Brunei-Cambridge GCE 'O' Level / IGCSE; tiga penuntut dari Tahun 8 telah mendapat keputusan cemerlang dalam Penilaian Kemajuan Pelajar (Student Progress Assessment-SPA), 29 penuntut telah berjaya menamatkan Kursus Pearson BTEC International Level 2 Extended Certificate in Hospitality, dan empat penuntut lagi telah berjaya menamatkan Program Pra-Vokasional.

Majlis diteruskan dengan penyampaian sijil kepada guru-guru Tahun 8 dan Tahun 11 bagi setiap mata pelajaran yang telah mencapai sasaran peratus jumlah penuntut yang memperoleh keputusan kredit dalam GCE 'O' Level dan SPA, sijil penghargaan kepada guru-guru pra-vokasional serta guru Business and Technology Education Council(BTEC) in Hospitality bagi Sesi 2024.



PEMANGKU Penolong Pengarah Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan selaku tetamu kehormat majlis, semasa menyampaikan sijil kepada salah seorang penerima.

| Keadaan Perniagaan Februari 2025 Mengikut Sektor | |
|--|------|
| Perdagangan Borong & Runcit | 50.1 |
| Kewangan & Insurans | 50.0 |
| Minyak & Gas dan yang Berkaitan | 50.0 |
| Harta Tanah & Pemilikan Kediaman | 50.0 |
| Pembuatan | 50.0 |
| Hotel & Restoran | 50.0 |
| Perkhidmatan Lain | 49.9 |
| Pertanian, Perhutanan, Perikanan & Temakan | 49.9 |
| Pembinaan | 49.8 |
| Kesihatan & Pendidikan | 49.5 |
| Pengangkutan & Komunikasi | 49.2 |

Dari segi saiz perniagaan, perniagaan mikro, sederhana, dan besar menunjukkan sentimen yang hampir sama berbanding dengan bulan sebelumnya mengambil kira operasi yang konsisten, projek-projek yang sedang berjalan, dan tiada perubahan ketara dalam aktiviti perniagaan.

Walau bagaimanapun, perniagaan - perniagaan kecil menunjukkan sentimen yang pesimistik, yang disebabkan oleh faktor-faktor utama termasuk bilangan hari operasi yang lebih sedikit pada Februari 2025,

keadaan cuaca buruk yang menjelaskan produktiviti, serta penurunan permintaan pelanggan selepas sambutan Tahun Baharu Cina.

Untuk mendapatkan maklumat lebih terperinci mengenai BSI, orang ramai boleh merujuk kepada nota teknikal mengenai metodologi dan statistik di laman sesawang BDCB di www.bdcb.gov.bn.

Orang ramai juga boleh mengikuti perkembangan BSI melalui siaran akhbar yang akan datang dan akaun Instagram BDCB @centralbank.brunei.

KHUTBAH JUMAAT NEGARA BRUNEI DARUSSALAM PADA
19 SYAWAL 1446H/18 APRIL 2025M




KESAN DAN AKIBAT LALAI MEMBAYAR HUTANG

HUTANG

Walaupun agama kita tidak melarang umatnya berhutang akan tetapi berhutang itu bukanlah suatu perkara yang digalakkan. Sekiranya kita terpaksa juga berhutang, maka kita hendaklah berniat dan berazam untuk membayar hutang tersebut.

HUKUM MEMBAYAR HUTANG: WAJIB

Rasulullah SAW dalam hadith Baginda ada menyatakan bahawa orang yang mampu membayar hutangnya tetapi dengan sengaja menunda-nunda membayar hutang tersebut dengan memberikan pelbagai alasan adalah:



- Satu bentuk kezaliman
- Dosa yang tidak akan diampunkan walaubagaimana salih dan warak sekalipun orang itu
- Seseorang yang meninggal dunia sebelum dia sempat melunaskan hutangnya akan berhadapan dengan bahaya dimasukkan ke dalam api neraka

APA YANG BOLEH KITA BUAT?



Jika tidak dapat membayar hutang disebabkan sumber kewangan yang kurang mencukupi, hendaklah sentiasa berusaha dan mencari ikhtiar untuk menjelaskan semua hutang yang ada.



★ Jangan mudah terpengaruh dengan budaya hidup yang serba mewah. Hendaklah seperti bak kata pepatah "Mengukur baju di badan sendiri"

Kesan dan akibat lalai membayar hutang



BERTAKWALAH kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Agama kita mengajar umatnya bagaimana cara mengurus pendapatan dan perbelanjaan dengan betul iaitu dengan bersederhana. Kerana itu, jika kita menghayati dan mengikuti ajaran agama kita dalam soal berbelanja dan cara mengurus pendapatan, maka sudah pasti kita tidak akan terjebak dan terbelenggu dalam beban hutang yang banyak. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Furqan, ayat 67 :

Tafsirnya : "Dan mereka yang apabila membelanjakan harta, mereka tidak berlebih-lebihan dan tidak juga bakhil dan (sebaliknya) perbelanjaan mereka itu adalah sederhana antara kedua-duanya".

Walaupun agama kita tidak melarang umatnya berhutang akan tetapi berhutang itu bukanlah suatu perkara yang digalakkan. Kerana itu, agama kita menasihatkan umatnya agar menjauhkan diri daripada berhutang. Akan tetapi sekiranya kita terpaksa juga berhutang, maka kita hendaklah berniat dan berazam untuk membayar hutang tersebut. Bukan

sewenang-wenangnya berhutang, akan tetapi apabila tiba masa untuk membayarnya pula, kita selalu bertanggung-tangguh dan adakalanya langsung tidak mahu membayar sehingga menyebabkan perkelahian dan permusuhan.

Adalah menjadi kewajipan bagi orang yang berhutang untuk membayar hutangnya, akan tetapi tidak dinafikan terdapat juga segelintir orang yang berhutang dan tidak dapat membayar hutangnya disebabkan sumber kewangan yang kurang mencukupi.

Walau bagaimanapun, mereka hendaklah sentiasa berusaha dan mencari ikhtiar untuk menjelaskan semua hutang yang ada. Ini kerana, Allah Subhanahu Wata'ala akan memberi kemudahan dan pertolongan kepada orang-orang yang ingin melunaskannya atau melangsangkan hutangnya. Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Siapa yang mengambil harta manusia (berhutang) disertai maksud akan membayarnya maka Allah akan membayarkannya untuknya, sebaliknya siapa yang mengambilnya dengan maksud merosakkan (merugikannya) maka Allah akan merosak orang itu". (Hadis Riwayat Imam Bukhari)

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis Baginda ada menyatakan bahawa orang yang mampu membayar hutangnya akan tetapi dengan sengaja menunda-nunda ataupun melengah-lengahkan membayar hutang tersebut dengan memberikan pelbagai alasan sedangkan orang itu mampu untuk membayarnya maka perbuatan itu adalah satu bentuk kezaliman. Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Menunda-nunda pembayaran hutang bagi orang yang telah mampu membayarnya adalah suatu kezaliman". (Hadis Riwayat Imam Bukhari)

Perlu diketahui, bahawa perbuatan menzalimi sesama manusia dengan tidak membayar hutang merupakan antara perkara yang boleh menjelaskan keharmonian dalam hidup berkeluarga dan bermasyarakat. Ia merupakan antara punca utama berlakunya pertengkaran dan permusuhan sama ada sesama ahli keluarga, adik-beradik, saudara-mara, sahabat handai, jiran tetangga dan seumpamanya.

Sesungguhnya orang yang mengabaikan kewajipan membayar hutang sedangkan dia mampu melunaskannya merupakan satu dosa yang tidak akan diampunkan walau bagaimana soleh dan warak sekalipun orang yang berhutang itu. Sehingga orang yang mati syahid kerana berjihad di jalan Allah Subhanahu Wata'ala, yang dijanjikan pengampunan dan ganjaran syurga pun tidak akan dapat melepaskannya daripada dosa menanggung hutang. Ini kerana urusan hutang bersangkutan dengan hak sesama manusia. Daripada Abdullah bin Amru Radiallahuanhu, bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Seorang yang mati syahid akan diampuni segala dosa-dosanya kecuali hutang". (Hadis Riwayat Imam Muslim)

Seseorang yang meninggal dunia sebelum dia sempat melunaskannya akan berhadapan dengan bahaya dimasukkan ke dalam api neraka. Ini kerana sebagai ganti hutangnya itu, segala pahala dan kebajikan yang dilakukannya akan diberikan kepada si pemutang dan jika belum mencukupi, segala dosa dan kesalahan yang dilakukan oleh si pemutang itu pula akan dipindahkan kepada si penghutang tersebut. "Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud : Barang siapa yang memiliki kezaliman terhadap saudaranya, hendaklah ia meminta dihalalkan kerana dinar dan dirham (di hari kiamat) tidak berguna, kezalimannya harus dibalas dengan cara kebaikannya diberikan kepada saudaranya, jika ia tidak mempunyai kebaikan lagi, maka kejahatan kawannya diambil dan dipikulkan kepadanya". (Hadis Riwayat Imam Bukhari)

Selain itu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis Baginda ada mengajarkan doa supaya dilindungi daripada hutang. Dalam sebuah hadis diriwayatkan oleh Imam Abu Daud, "Daripada Abu Said Al-Kudri Radiallahuanhu bahawa pada suatu hari Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam masuk ke dalam masjid, tiba-tiba ia bertemu dengan seorang lelaki daripada golongan Ansar yang bergelar Abu Umamah, maka Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam memanggilnya dan bersabda yang bermaksud : "Wahai Abu Umamah aku tidak pernah melihat engku berada di dalam masjid pada bukan waktu

sembahyang", ia menjawab : "Wahai Rasulullah aku sekarang sedang dilanda duka dan hutang". Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam kemudian bersabda kepada : "Mahukah aku ajarkan kepadamu bacaan apabila diamalkan, dukacitamu akan dihilangkan Allah dan hutangmu akan menjadi lunas?" Abu Umamah menjawab : "Tentulah wahai Rasulullah". Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, "Bacalah doa ini apabila kamu berada pada waktu Subuh dan waktu petang".

Maksudnya : "Ya Allah, sesungguhnya aku berlindung kepada Engkau daripada kedukaan dan kesedihan. Aku berlindung kepada Engkau daripada sifat lemah dan malas. Aku berlindung kepada Engkau daripada sifat pengecut dan bakhil. Dan aku berlindung kepada Engkau daripada beban hutang dan penindasan manusia".

Abu Umamah Radiallahuanhu berkata : "Setelah membaca doa tersebut, Allah menghilangkan kedukaanku dan dapat melunaskannya hutangku".

Akhirnya, sebagai peringatan kepada kita semua agar tidak terjebak dengan hutang-hutang yang banyak maka kita hendaklah seperti kata pepatah 'Mengukur baju di badan sendiri', janganlah kita mudah terpengaruh dengan budaya hidup yang serba mewah kerana kita hidup di dunia yang fana ini biarlah berpada-pada dan bersederhana. Oleh yang demikian, janganlah kita terlalu menurut kata hati dan hawa nafsu kerana berhutang itu memanglah mudah dan senang akan tetapi membayarnya pula adalah sangat susah.

Tafsirnya : "Dan jika kamu sedang musafir (lalu kamu berhutang atau memberi hutang yang bertempoh) sedang kamu tidak mendapati pencatat maka hendaklah diadakan barang jaminan untuk dipegang (oleh orang yang memberi hutang). Jika sebahagian kamu mempercayai sebahagian yang lain hendaklah yang dipercayai itu menunaikan amanahnya (hutangnya) dan hendaklah dia bertakwa kepada Allah Tuhanmu. Dan janganlah kamu (saksi-saksi) menyembunyikan perkara-perkara yang dipersaksikan itu dan sesiapa yang menyembunyikannya maka sesungguhnya dia ialah orang yang berdosa hatinya. Dan Allah Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan". (Surah Al-Baqarah, ayat 283)

Majlis Khatam Al-Quran raikan 243 pelajar



Oleh : Khartini Hamir
Foto : Azmah Haji Ahad

TUNGKU LINK, Khamis, 17 April. - Seramai 243 orang pelajar perempuan Sanah 6 dari Sekolah Arab Raja Isteri Pengiran Anak Damit diraikan dalam Majlis Khatam Al-Quran yang diadakan di Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam, pagi tadi.

Hadir selaku tetamu khas majlis ialah Ketua Bahagian Sekolah Arab, Jabatan Pengajaran Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Pengiran Mohamad Aminuddin bin Pengiran Haji Hussin. Terdahulu majlis dimulakan dengan bacaan Selawat Tafrijiyah dan Surah Al-Fatiyah beramai-ramai yang diketuai oleh tetamu khas majlis, kemudian

diteruskan dengan Doa Sebelum Membaca Al-Quran dan seterusnya bacaan surah-surah lazim oleh para peserta Khatam.

Sejurus itu diikuti dengan bacaan Takhtim oleh pelajar-pelajar Sanah 5 dan bacaan Doa Khatam yang dibacakan oleh Dayang Nur Wahyuni Ihsani binti Muhammad Wajdi serta persemaahan Dikir



KETUA Bahagian Sekolah Arab, Jabatan Pengajaran Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama semasa hadir selaku tetamu kehormat Majlis Khatam Al-Quran yang diadakan di Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam (atas dan kiri).

Marhaban.

Majlis juga menyaksikan penyampaian Sijil Khatam yang disempurnakan oleh tetamu khas majlis, dan majlis diakhiri dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Doa Selamat dibacakan oleh Awang Haji Zulkhairi bin Haji Brahim.

Majlis merupakan acara kemuncak bagi Program Hubbul Quran, iaitu program galakan yang dilaksanakan oleh sekolah

berkenaan bagi menjadikan pembacaan Al-Quran sebagai budaya dan amalan dalam kehidupan sehari-hari para pelajar.

Selain itu, bagi melahirkan rakyat celik Al-Quran dan menjadikan pembacaan Al-Quran sebagai satu amalan dan budaya ke arah mendukung hasrat negara untuk melahirkan Generasi Al-Quran dan menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai Negara Zikir.

دعا موهن كقد الله سقاي ترسلامة در قد بلاء دان سكل جنيس چاڪيت

DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَنَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ۝ ۳ کالی۝.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ الْتَّامَاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ۝ ۳ کالی۝.

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ أَسْمَهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي
الْسَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ۝ ۳ کالی۝.

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدُ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ حَيْرُ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ
اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ أَسْمَهِ دَاءً. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَخَنَا وَبِاللَّهِ
آخْتَنَّنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَّا بِذِي الْعِزَّةِ وَالْجَبَرُوتِ.
وَاعْتَصَمَنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَمِيِّ الَّذِي لَا
يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ
الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي
كُلِّ مَكَانٍ أَبْلَاءَ وَأَنْوَاءَ وَالطَّعْنَ وَالطَّاعُونَ وَسَائِرَ الْأَمْرَاضِ
وَقِنَا شَرَّ الْرَّدَى بِلُطْفِكَ يَا طَيِّفُ يَا حَبِّرُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ
شَيْءٍ قَدِيرٌ ۝ ۳ کالی۝.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ،
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan anaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

آية الكرسي

اللَّهُمَّ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ لَا تَأْخُذْهُ سِنَةٌ وَلَا نُومٌ لَمَّا مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ مَنْ ذَاذِي يَشْفَعُ عِنْهُ إِلَّا يَادِيهِ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِنْ عِلْمِهِ إِلَّا بِمَا شَاءَ وَسَعْ كُرْسِيُّهُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ وَلَا يَنْعُودُ حَفَظُهُمَا وَهُوَ عَلَى الْعَظِيمِ ٦٥٥

Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

(صلوات تفرجية)

اللَّهُمَّ صَلِّ صَلَةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَائِمًا عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الَّذِي تَحْلِي بِهِ الْعُقْدُ، وَتَنْفَرِجُ بِهِ الْكُرْبُ، وَتُقْضَى بِهِ الْحَوَائِجُ، وَتُنَالُ بِهِ الْرَّغَائِبُ وَحُسْنُ الْحَوَائِمِ، وَيُسْتَسْقَى الْعَمَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيمِ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ فِي كُلِّ الْمُحَمَّةِ وَنَفْسٌ يَعْدِدُ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ.

Maksudnya :

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhurailah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabulah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdikan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahnnya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

سَيِّدُ الْإِسْتِغْفَارِ

اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ، وَأَنَا عَلَى عَهْدِكَ وَوَعْدُكَ مَا أُسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أَبُوءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأَبُوءُ بِذَنِي، فَاغْفِرْ لِي فِيَّهُ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوبُ إِلَّا أَنْتَ.

Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahanan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

ذَكْر بِچاءِنْ يَعْ مِبَاوا كِبَراً وَنَتوْعَنْ سَاعَتْ بَسْر كَفْد قَعْمَلَنْ (تَولُقْ بَلَاءَ)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

(3)

وَلَا حُوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung juga).

Penerangan :

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمِ

(2)

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakannya rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ

(1)

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173. Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

يَا حَمِّيْ يَا قَيْوُمُ، بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغْيِثُ

(5)

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharapkan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

وَأَفْوَضُ أَمْرِي إِلَى اللَّهِ

(4)

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya kepada Allah jua)).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapat enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.

SR YSHHB ANJUR SAMBUTAN HARI RAYA



ANTARA persembahan daripada murid Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (SR YSHHB) pada Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 1446 Hijrah / 2025 Masihi (atas dan bawah kanan). Sementara gambar kanan, sebahagian yang hadir pada majlis berkenaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 16 April. - Sambutan Hari Raya Aidilfitri terus dirasakan kemeriahannya hari ini oleh murid-murid Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (SR YSHHB) dalam

sama-sama mengeratkan lagi jalinan mesra sesama pelajar dan warga sekolah berkenaan.

Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri yang berlangsung di dewan sekolah berkenaan, mengumpulkan lebih 1,000

murid-murid Tahun 1 hingga 6.

Hadir pada sambutan tersebut ialah Pengetua SR YSHHB, Dayang Hajah Hafizah binti Haji Salat.

Sambutan diserikan dengan pelbagai persembahan daripada

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Azmah Haji Ahad



murid sekolah berkenaan termasuk persembahan tarian dan nyanyian yang disembahkan pada Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 1446 Hijrah / 2025 Masihi anjuran YSHHB di Pusat Persidangan Antarabangsa yang lalu.

Majlis juga diisikan dengan tayangan video klip raya dari guru-guru mengikut level masing-masing serta pertandingan hubungan silaturahim antara kakitangan, guru-guru dan pelajar-pelajar sekolah.

merupakan salah satu acara yang dijalankan di sekolah tersebut setiap tahun yang bertujuan bagi meraikan salah satu Hari Kebesaran Islam iaitu Hari Raya Aidilfitri.

Di samping, ia juga bagi membuka ruang untuk saling beramah mesra sesama warga sekolah serta mengeratkan hubungan silaturahim antara kakitangan, guru-guru dan pelajar-pelajar sekolah.

BDCB keluarkan duit syiling kenang-kenangan

>> Muka 1

Orang ramai yang berminat untuk membeli set tersebut boleh mengunjungi Galeri Mata Wang & Gift Shop Brunei Darussalam Central Bank Tingkat 1, Bangunan BCMB, Kompleks Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Commonwealth Drive pada Isnin hingga Khamis bermula Selasa, 22 April 2025, pukul 8.30 pagi hingga 11.30 pagi dan 2.00 petang hingga 4.30 petang; dan Jumaat, pukul 8.30 pagi hingga 11.00 pagi sahaja.

Untuk maklumat lanjut, sila layari laman sesawang BDCB di www.bdcb.gov.bn atau ikuti akaun Instagram BDCB, [@centralbank.brunei.](https://www.instagram.com/bdcb_centralbank)

Siaran Akhbar dan Foto : Brunei Darussalam Central Bank



SET kenang-kenangan duit syiling edaran mono-ply plated steel yang sah diperlakukan di Negara Brunei Darussalam.

DBP anjurkan Peraduan Fotografi

Oleh : Khartini Hamir
Infografik : Dewan Bahasa dan Pustaka

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 16 April. - Seni fotografi merupakan suatu seni yang murni kerana karya foto diciptakan sebagai bentuk curahan isi hati jurugambar.

Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) melalui Bahagian Penyelidikan, Dokumentasi dan Pengiktirafan mengambil inisiatif untuk mengungkayahkan Peraduan Fotografi yang merangkumi pelbagai aspek sebagai satu lagi upaya dan tindakan jabatan untuk mengangkat kepelbagaiannya karya seni foto yang terbaik dan berkualiti.

Peraduan yang bertemakan 'Brunei Darussalam: Permata yang Tersembunyi' itu mengetengahkan sebanyak tiga kategori iaitu: Kategori Khas; Kategori Burung; dan Kategori 'The Golden Hour'.

Kategori Khas ialah gambar-gambar yang diambil hendaklah berkaitan dengan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-41, Tahun 2025 termasuklah acara-acara berikut seperti Upacara Menaikkan dan Menurunkan Bendera Besar; Majlis Kesukuran Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah, Membaca Yaa Siin dan Doa Kesukuran; Raptai penuh Upacara Perhimpunan Agung; Upacara Perhimpunan Agung.

Sementara Kategori Burung ialah gambar yang memaparkan haiwan burung, manakala Kategori 'The Golden Hour' pula ialah gambar yang memaparkan momen semasa matahari terbit atau terbenam.

Antara syarat-syarat penyertaan ialah dibukukan

kepada rakyat dan penduduk tetap NBD dan tidak ada had umur; Gambar-gambar yang diperadukan hendaklah bersesuaian dan menepati dengan tema dan kategori peraduan yang disertai; Gambar hendaklah dicetak tanpa sebarang tanda, tandatangan (signature) atau tera air (watermark) digital.

Namun bagi mengetahui syarat-syarat yang lain, sila imbas kod QR untuk mengetahui syarat dan borang penyertaan peraduan.

Gambar dan borang penyertaan yang lengkap diisi hendaklah dihantar di alamat yang tertera dalam borang penyertaan.

Tarikh tutup penyertaan adalah pada Khamis, 29 Mei 2025 bersamaan 1 Zulhijah 1446, pukul 4.00 petang.

Sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi Urus Setia Peraduan di talian +673 2382511 sambungan 148 atau 166.

فُوتوُڪرافِي Peraduan Fotografi

Anjuran
Bahagian Penyelidikan, Dokumentasi dan Pengiktirafan Dewan Bahasa dan Pustaka
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Negara Brunei Darussalam

Kategori Peraduan:

- Kategori Khas
- Kategori Burung
- Kategori 'The Golden Hour'

Penyertaan adalah percuma.
Tarikh tutup penyertaan:
Khamis 1 Zulhijah 1446 / 29 Mei 2025 pukul 4.00 petang

Berminat? Sila hubungi

Urus Setia Peraduan Fotografi
Bahagian Penyelidikan, Dokumentasi dan Pengiktirafan
Tingkat 2, Dewan Bahasa dan Pustaka
Jalan Pembangunan, Berakas BB3510
Negara Brunei Darussalam
+673 2382511 sambungan 148 atau 166

Sila imbas kod QR untuk keterangan lanjut dan borang penyertaan peraduan

+673 2382511 sambungan 148/166

www.dbp.gov.bn

dbpbrunei bpdpbrunei

Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei

BFI KONGSI TAKLIMAT KOMPREHENSIF AKTIVITI PEMULIHAN SYARIKAT

Siaran Akbar dan Foto :
Brunei Fertilizer Industries
Sdn. Bhd.

BELAIT, Rabu, 16 April. – Brunei Fertilizer Industries Sdn. Bhd. (BFI) telah mengadakan Turnaround (TA) Stakeholder Engagement Session buat julung kalinya yang berlangsung di Mini Teater, Taman Perindustrian Sungai Liang (SPARK), menghimpunkan pemegang kepentingan utama dan ahli komuniti untuk memberikan taklimat komprehensif mengenai aktiviti Pemulihan Syarikat akan datang yang dijadualkan pada Ogos 2025.

Sesi yang dihadiri oleh pegawai kerajaan dan ahli komuniti jiran ini berfungsi sebagai platform penting untuk memaklumkan dan melibatkan ahli komuniti tentang objektif, garis masa dan skop operasi pemulihian yang akan datang.

Para peserta dibentangkan dengan gambaran keseluruhan tarikh penting, penglibatan tenaga kerja dan strategi teguh BFI untuk meminimumkan sebarang potensi impak kepada masyarakat sekeliling.

BFI menekankan bahawa pemulihannya - tempoh penyelenggaraan dan pemeriksaan berskala besar



SESI bergambar ramai pada Turnaround (TA) Stakeholder Engagement Session yang diadakan di Mini Teater, Taman Perindustrian Sungai Liang (SPARK).

yang terancang adalah bahagian penting dalam komitmen syarikat terhadap kecemerlangan operasi, keselamatan dan kemampunan jangka panjang. Sesi itu menggariskan skala pemulihian, yang akan melibatkan sejumlah besar tenaga kerja, termasuk kakitangan BFI dalaman dan kontraktor luar.

Tarikh penting dalam garis masa pemulihian BFI termasuk

Penutupan Loji yang dirancang pada 28 Julai 2025 dan 1 Ogos 2025 dan seterusnya akan menjadi tempoh skop kerja utama. Aktiviti permulaan yang dirancang bermula pada 23 Ogos 2025 dan loji dijangka kembali beroperasi seperti biasa pada 1 September 2025.

Menyedari kepentingan kesejahteraan komuniti, BFI menekankan pelan tindakan dan

strateginya yang luas, yang telah dibangunkan untuk mengenal pasti, menangani dan meminimumkan potensi gangguan.

Langkah-langkah termasuk protokol keselamatan yang dipertingkatkan, pengurusan lalu lintas dan bunyi bising dan komunikasi masa nyata dengan pihak berkepentingan dan wakil komuniti. BFI meyakinkan pihak

berkepentingan bahawa kesihatan, keselamatan dan integriti alam sekitar komuniti kekal menjadi keutamaannya sepanjang tempoh pemulihian.

Sesi itu juga mengulangi kakinan hubungan utama dalam BFI, yang akan bersedia untuk bertindak balas terhadap sebarang kebimbangan masyarakat atau situasi kecemasan semasa pemulihian.

Kursus bantu tingkatkan pengetahuan bakal jemaah haji



Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 16 April. – Seramai 33 bakal jemaah haji yang tidak berkesempatan mengikuti Kursus Haji dan Umrah sebelum ini, menyertai Kursus Intensif Ibadat Haji dan Umrah bagi Musim Haji Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi.

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

PANDUAN LATAR BELAKANG PENDIDIKAN

- ✓ Kelulusan Pendidikan Tinggi
Diploma / Ijazah Sarjana Muda / Ijazah Sarjana / PhD atau sebanding (bidang Major atau Minor dimestikan teratur)
- ✓ Kelulusan Pendidikan Menengah PMB / GCE 'O' LEVEL / GCE 'A' LEVEL atau sijil / kelulusan sebanding
- ✓ Tamat Persekolahan
bagi pemohon yang menamatkan pelajaran di peringkat menengah sahaja



PANDUAN MUATNAIK DOKUMEN

- ✓ Maklumat Peribadi
Kad Pengenalan / Pasport / Gambar Terkini
- ✓ Maklumat Lesen Memandu
- ✓ Kelulusan Pendidikan Tinggi
Sijil / Transkrip (dimestikan dimuatnaik) / MKPK (jika dari Institusi Swasta / Luar Negeri)
- ✓ Kelulusan Pendidikan Menengah
- ✓ Tamat Persekolahan
(Sijil berhenti Sekolah)



ADAKAH PROFIL PSCR 2.0 AWDA LENGKAP DAN TERATUR?

BARU

PANDUAN PENGALAMAN KERJA

- ✓ Pengalaman Kerja Kerajaan
menandakan "✓" pada jawatan sekarang / prestasi 3 tahun kebelakangan / pengesahan profil pegawai kakitangan kerajaan / tempoh kerja yang teratur / tarikh mula dalam tanda gaji / tanda gaji / nama jawatan yang betul
- ✓ Pengalaman Kerja Swasta
- ✓ Pengalaman Kerja Beruniform
- ✓ Pengalaman Bekerja Sendiri
- ✓ Penempatan Kerja
- ✓ Tidak Bekerja



PANDUAN KEMAHIRAN DAN KELAYAKAN PROFESSIONAL

- ✓ Kelayakan Profesional
- ✓ Peperiksaan Kesetiausahaan
- ✓ Kemahiran Bahasa
- ✓ Lain-Lain Kemahiran



PANDUAN PEPERIKSAAN DAN KURSUS

- ✓ Peperiksaan Kerajaan
- ✓ Kursus Yang Dihadiri (Kerajaan/Swasta)
- ✓ Kursus Induksi Perkhidmatan Awam
- ✓ Kursus Perkhidmatan Awam (IPA)
- ✓ Program Pembangunan Eksekutif



Pupuk pertukaran budaya, perkukuhkan hubungan NBD-Viet Nam

Oleh : Muhamad Khairul Hisyam Jaya
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

TUNGKU LINK, Rabu, 16 April. – Universiti Brunei Darussalam (UBD) dengan kerjasama Kedutaan Republik Sosialis Viet Nam di Negara Brunei Darussalam (NBD) telah berjaya menganjurkan Konser Persahabatan NBD-Viet Nam yang berlangsung di Pusat Seni Pro-Canselor, UBD.

Konser yang dianjur bersama ini bertujuan memupuk pertukaran budaya dan memperkuuhkan hubungan persahabatan yang semakin berkembang antara NBD dan Republik Sosialis Viet Nam, sekali gus memberi penekanan kepada kepelbagaian budaya, kerjasama komuniti serta pengukuhkan kerjasama akademik dan pertukaran pelajar antara UBD dan institusi di Viet Nam.

Hadir selaku tetamu kehormat, Naib Canselor UBD, Dr. Hazri bin Haji Kifle.

Juga hadir, Duta Besar Republik Sosialis Viet Nam ke NBD, Tuan Yang Terutama Tran Anh Vu bersama isteri, Madam Le Thi Hong Ngoan, serta ahli-ahli pengurusan kanan UBD.

Turut hadir ialah para duta asing, Timbalan Setiausaha Tetap di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Awang Haji Mohd. Yusra bin Haji Mohd. Salleh; Pengarah HADUCO Overseas, Vu Viet Toan dan Pemegang Amanah Eksekutif Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Pengiran Datin Hajah Noraini Pengiran Dipa Negara Laila Diraja binti Pengiran Haji Abdul Momin.

Dalam ucapan alu-aluannya, Naib Canselor UBD menegaskan kepentingan Pendidikan Global

dalam melahirkan pelajar yang berdaya saing di peringkat antarabangsa.

"Pendidikan global bukan sahaja membekalkan kemahiran komunikasi merentas budaya, malah memupuk kesedaran dan penghargaan terhadap kepelbagaian perspektif," ujarnya.

Naib Canselor UBD turut menekankan bahawa penguasaan bahasa dan kesedaran budaya adalah kunci utama dalam membina masyarakat yang inklusif dan harmoni.

Tambahnya, mempelajari bahasa asing bukan sahaja meningkatkan daya fikir pelajar, malah menjadikan mereka lebih fleksibel dan bersedia menghadapi cabaran global.

UBD kini mempunyai seramai 94 pelajar yang mengikuti Program Bahasa Viet Nam sejak ia dilancarkan pada Januari 2022.

Antara persembahan yang menyerlah ialah demonstrasi silat tradisional, muzik gulintangan serta lagu Joget Seri Kenangan yang disampaikan oleh pelajar UBD.

Para artis dari kedua-dua negara turut berkolaborasi dalam persembahan instrumental dan lagu-lagu kebangsaan masing-masing.

Sebagai menyahut semangat komuniti, Pengarah HADUCO Overseas turut menyampaikan cek sumbangan kepada Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam sebagai sebahagian daripada inisiatif tanggungjawab sosial korporat syarikat.

Sejak pelancaran Program



NAIB Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD) hadir selaku tetamu kehormat pada Konser Persahabatan Brunei-Viet Nam yang berlangsung di Pusat Seni Pro-Canselor, UBD.

Discovery Year UBD pada tahun 2011, lebih 580 pelajar UBD telah memilih Viet Nam sebagai destinasi pembelajaran luar kampus.

Program ini menawarkan pengalaman pembelajaran selama satu semester menerusi empat laluan: Pengajian di Luar Negara, Latihan Industri, Program Khidmat Komuniti, dan Program Inkubasi.

Selain itu, UBD juga telah menerima lawatan Perdana Menteri Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Pham Minh Chinh bersama isteri pada 11 Februari 2023.

Dalam lawatan tersebut, beliau berkesempatan melawat kelas bahasa Viet Nam di UBD serta menanam pokok Cotylelobium burckii F. Heim (Resak Durian) di Pusat Penyelidikan Botani UBD sebagai simbol peringatan.

Naib Presiden Perhimpunan Kebangsaan Viet Nam, Tuan Yang Terutama Nguyen Khac Dinh turut melawat UBD pada 10 Ogos 2024 dan menyumbangkan 38 buah buku mengenai Kecerdasan Buatan (AI) dan Transformasi Digital serta melawat kelas bahasa Viet Nam.

Pada 2 Oktober 2024, Pusat Bahasa UBD dan Kedutaan

Republik Sosialis Viet Nam telah menganjurkan Hari Bahasa dan Budaya Viet Nam di Perpustakaan UBD yang bertujuan memperkenalkan budaya dan bahasa Viet Nam kepada komuniti kampus dan memperkuuh pertukaran budaya antara kedua-dua negara.

Pusat Bahasa UBD menawarkan kursus bahasa Viet Nam kepada pelajar UBD dan masyarakat umum Brunei, dengan jumlah penyertaan yang semakin meningkat setiap semester, bermula dengan 12 pelajar kepada antara 50 hingga 90 pelajar pada masa ini.

44 PENUNTUT SEKOLAH SUKAN DIRAIKAN



KETUA Unit Pendidikan Awal Kanak-kanak, Jabatan Sekolah-sekolah, Kementerian Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut dan seterusnya menyampaikan anugerah kepada salah seorang penerima (kiri dan atas).

Terbaik Secara Keseluruhan 'Best Student'.

Pada majlis tersebut juga, ucapan khas turut disampaikan oleh wakil penuntut daripada Tahun 11.1, tahun 2024, Khaira Farhana binti Md. Fadzillah, diikuti dengan penyampaian sijil penghargaan kepada guru-guru Tahun 11, tahun 2024 daripada Timbalan Pengetua Pentadbiran dan Akademik Sekolah Sukan, Norjalina binti Haji Jaafar.

Sementara itu penyampaian sijil penghargaan kepada jurulatih-jurulatih pula disampaikan oleh Timbalan Pengetua Sukan, Sekolah Sukan, Awang Haji Azrin bin Haji Aji.

Seterusnya, tetamu kehormat majlis menyampaikan Anugerah

Khas (Special Mention) kepada Guru Sekolah Sukan, Dayang Nuramalina binti Haji Ibrahim, atas senarai subjek yang terbanyak memperolehi grade 'A*' dan 'A' secara keseluruhan iaitu 14 orang penuntut daripada 42 orang penuntut Sekolah Sukan.

Tetamu kehormat juga menyampaikan Anugerah Khas bagi jurulatih yang telah menunjukkan prestasi cemerlang di peringkat antarabangsa kepada Jurulatih Silat Sekolah Sukan, Awang Muhd. Azizan bin Haji Marsad.

Penuntut Silat Sekolah Sukan mendapat satu pingat perak dan satu pingat gangsa di Kejohanan ASEAN School Games Danang, Viet Nam 2024.

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 16 April. – Sekolah Sukan telah mengadakan Majlis Konvokeyan Peringkat BC GCE 'O' Level dan IGCSE Kelas 2024 bertempat di Dewan Puteri, Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri (STPRI), petang tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Ketua Unit Pendidikan Awal Kanak-kanak, Jabatan Sekolah-sekolah, Kementerian Pendidikan, Dayang Hajah Amal Nuriah binti Haji Kumpoh.

Turut hadir, Pengetua Sekolah Sukan, Dayang Hajah Nor Aisah binti Haji Mohd. Salleh, serta ibu bapa / penjaga para penerima.

Aturcara majlis dimulakan dengan perarakan masuk penerima hadiah dan seterusnya bacaan surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Pegawai Pelajaran Sekolah Sukan, Awang Haji Md. Azrol Azmin bin Haji Ahmad.

Majlis diteruskan dengan bacaan Ayat Suci Al-Quran oleh Muhammad Hamizan bin Metali, penuntut Tahun 11.1, tahun 2024 dan bacaan inti sari oleh Awang Abdul Wafiq Wafiuddin Rifa'e bin Pateh Haji Roslan juga penuntut Tahun 11.1, tahun 2024, Sekolah Sukan.

Seramai 44 penuntut Sekolah

Sukan yang telah menamatkan pengajian pada tahun 2024 menerima sijil masing-masing yang disampaikan oleh Pengetua Sekolah.

Manakala, tetamu kehormat majlis menyampaikan Anugerah Penuntut Cemerlang dalam peperiksaan BCGCE 'O' Level dan IGCSE 2024 iaitu penuntut yang memperoleh keputusan 5 kredit dan ke atas, Anugerah Penuntut memperoleh keputusan 'A*' dan 'A', Anugerah Penuntut Terbaik 'Best Achiever in General Programme Science', Anugerah Penuntut Terbaik 'Best Achiever in General Programme Art', Anugerah Penuntut Terbaik 'Best Achiever For Sport Stream Student', dan Anugerah Penuntut

suruhanjaya فرخدمت عوام
PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

IKLAN JAWATAN KOSONG PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAH TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

1. Teliti Skim Iklan sebelum memohon.



2. Lengkapkan Profil PSCR 2.0 (WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)
3. Lengkapkan Kelulusan (Lengkap dan pengurusan bagi kelulusan yang lengkap)
4. Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap (PDRM) yang berlaku
5. Tandakan "✓" pada kotak semak "Jawatan Sekarang" di dalam ruangan "Pengalaman Kerja Kerajaan"
6. Lengkapkan Maklumat (Tarikh / paparan / Pengalaman Perkhidmatan Awam / Isikan-lahan / kelebihan profesional dan ban-lan yang diperlukan di dalam skem iklan)

+673 7371961 | [PSC.bn](https://www.facebook.com/PSC.bn) | query@spa.gov.bn

Teliti WhatsApp suruhanjaya Perkhidmatan Awam



PSC.bn

| JAWATAN, TANGGA GAJI DAN BILANGAN IKLAN | | URUS SETIA PENGAMBILAN | KEKOSONGAN | JENIS IKLAN | TARIKH TUTUP PERMOHONAN |
|---|---|------------------------|------------------|---------------|-------------------------|
| 1. PENOLONG PEGAWAI LATIHAN C 3-4 EB 5 (BAHAGIAN III) JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI 2025/APR/05/JPM | JABATAN PERDANA MENTERI | 01 | 7(A) | 26 APRIL 2025 | |
| 2. PENOLONG PENGETOLIA TANAH-TANAH PERKURBANAN ISLAM D 3 EB 4-5 (BAHAGIAN IV) KEMENTERIAN HAL EHWAH UGAMA 2025/APR/01/KHEU | KEMENTERIAN HAL EHWAH UGAMA | 01 | 7(A) | 30 APRIL 2025 | |
| 3. PENTERJEMAH KANAN C 2 EB 3 (BAHAGIAN III) JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI 2025/APR/02/JPM | JABATAN PERDANA MENTERI | 01 | 7(A) | 30 APRIL 2025 | |
| 4. PEMBANTU PERIKANAN KANAN C 2 EB 3 (BAHAGIAN III) JABATAN PERIKANAN 2025/APR/01/KSSUP | KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN | 02 | 7(A) | 30 APRIL 2025 | |
| 5. PENOLONG JURUAUDIT TINGKAT II C 2 EB 3 (BAHAGIAN III) JABATAN AUDIT 2025/APR/04/JPM | JABATAN PERDANA MENTERI | 02 | 7(A) | 30 APRIL 2025 | |
| 6. PENOLONG PENGARAH KUMPULAN 2 (BAHAGIAN I) KEMENTERIAN KESIHATAN 2025/APR/01/KKS JURURAWAT (BIDANG KEJURURAWATAN AM/PERBIDANAN) M.7-8 EB.9 (BAHAGIAN III) JABATAN PERKHIDMATAN KEJURURAWATAN 2025/APR/04/KKS | PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM | 01 | 38(A) | 30 APRIL 2025 | |
| 7. JURURAWAT (PARAMEDIK) M.7-8 EB.9 (BAHAGIAN III) JABATAN PERKHIDMATAN KEJURURAWATAN 2025/APR/02/KKS | KEMENTERIAN KESIHATAN | 96 | 7(A) LUAR BIDANG | 30 APRIL 2025 | |
| 8. JURURAWAT (BIDANG PERGIGIAN) M.7-8 EB.9 (BAHAGIAN III) JABATAN PERKHIDMATAN KEJURURAWATAN 2025/APR/03/KKS | KEMENTERIAN KESIHATAN | 27 | 7(A) LUAR BIDANG | 30 APRIL 2025 | |

PERINGATAN
1. BAGI MELIHAT IKLAN JAWATAN KOSONG. SILA DAFTAR MASUK KE PROFIL PSCR 2.0. KLIK "DASHBOARD SAYA" DAN KEMUDIAN KLIK "IKLAN JAWATAN KOSONG".
2. PEMOHON YANG BUKAN TERDIRI DARI PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERAJAAN HANYA BOLEH MELIHAT JAWATAN YANG DIKLANKAN DIBAYAH PERATURAN 7(A) SAHAJA.
3. PANDUAN PSCR 2.0 DAN SOALAN-SOALAN LAZIM BOLEH DIPEROLEHI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN



JABATAN PERHUTANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN
PELANCONGAN

Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:
JPH / SH / 2542 / 2024 - 2025
Media Coverage (Photo & Video)
And Video Production
For Expedition & Conference,
Brunei Mid Year Conference
& Exhibition 2025 (MYCE 2025)

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis,
8 Mei 2025.
2.00 Petang.

Borang Pendaftaran Syarikat
(Jika belum berdaftar):

BND10.00
-Tidak Dikembalikan-

Borang Sebut Harga:
BND5.00
-Tidak Dikembalikan-



Sebut Harga Bagi
Perkhidmatan / Pembekalan:
The Supply, Delivery and
Installation of Portable Kiosk
Display For Brunei Darussalam
Meteorological Department

Bilangan Sebut Harga:
JKBD / 2024 / SH-17 (R)

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu,
30 April 2025.
Sebelum jam 9.00 Pagi.

Kepada;
Pengerusi Jawatankuasa Sebut
Harga Jabatan Kajicuaca
Brunei Darussalam
Jabatan Kajicuaca
Brunei Darussalam
Blok B23, Flat Anggerek Desa
Simpang 32-37,
Kampong Anggerek Desa
Bandar Seri Begawan BB3713
Negara Brunei Darussalam



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

MOE / LTK / 03 / 2025 / 2026
(JPPE-APRIL-2025)
Upgrading And Renovation Works
To Flat Class F6, Ong Sum Ping,
Negara Brunei Darussalam.

Kelas:
III

(Pemborong Yang Berdaftar
Dengan
Kementerian Pembangunan,
Negara Brunei Darussalam)

Kategori:
B01, KA01

Bayaran Yuran / Dokumen
Tawaran:
BND50.00
[Bayaran Yuran / Dokumen
Tawaran Tidak Dikembalikan]

Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Tawaran :
3 Mei 2025 (Sabtu)

Tarikh Tutup Dan Waktu :
6 Mei 2025 - Selasa
[Tidak Lewat Jam 2.00 Petang]



Bilangan Notis Tawaran:
HMSF / TDR / 02 / 2025

Maintenance Of Turves,
Soft Landscape, Hardscape
And Desilting Of Drains At
His Majesty The Sultan's Flight
(Rimba) And Heliport
(Istana Darul Hana) Area

Bayaran Yuran Tawaran:
BND100.00 (Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
27 Mei 2025.
Jam 2.00 Petang.



Bilangan Tawaran:
KK / 74 / 2025 / ESTETMOH (TC)

Keterangan:
Three (3) Years Term Contract
For Comprehensive Maintenance
And Repair Of Generator
Set At Ministry Of Health

Kelayakan Pemborong /
Pembekal:
Berdaftar dengan
Kementerian Kesihatan dan
Kementerian Pembangunan

Kelas:

Kategori:
M03

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Tawaran:
KK / 76 / 2025 / LAB(TC)

Keterangan:
To Supply And Deliver
Microcuvettes And Quality
Controls For Plasma Low /
Hemoglobin Testing For Blood
Donation Centre,
Department Of Laboratory
Services,
Ministry Of Health For A Period Of
Five (5) Years Usage

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
KK / 77 / 2025 / ESTETRIPASH

Keterangan:
Renovation And Conversion Of
Toilet Facilities Into Pulmonary
Function Test (PFT) Rooms At
Specialist Building 1 In
Raja Isteri Pengiran Anak Saleha
(RIPAS) Hospital (Re-Tender)

Kelayakan Pemborong /
Pembekal:
Berdaftar dengan Kementerian
Kesihatan dan / atau Kementerian
Pembangunan

Kelas:
II

Kategori:
KA01, B01, M01 & E01

Yuran Tawaran:
BND30.00

Tarikh Tutup:
22 April 2025.
Tidak lewat jam 2.00 Petang



**JABATAN KEMAJUAN
PELANCONGAN
KEMENTERIAN
SUMBER-SUMBER UTAMA
DAN PELANCONGAN**

Bilangan Tawaran:
JKP / LTK / 2025 – 2026 / 01

JKP / LTK / 2025 – 2026 / 01:
Logistics & Coordination Services
For Brunei Darussalam's
Participation In International
Exhibitions:

1. ITB CHINA - Shanghai World
Expo Exhibition & Convention
Centre, Shanghai,
27th – 29th May 2025



2. SEOUL INTERNATIONAL
TRAVEL FAIR - COEX C Hall,
Seoul, Korea,
05th – 08th June 2025

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 22 April 2025.
Jam 2.00 Petang.



UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI

Calon-calon yang terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang memenuhi syarat-syarat kelayakan seperti di bawah adalah dipelawa untuk memohon jawatan berikut :

Jawatan:
Juruteknik Makmal Kanan
Universiti Islam Sultan Sharif Ali

Bahagian:
III

Tangga Gaji:
C.2 EB.3
(BND1,450.00 - BND2,270.00
Sebulan)

Kekosongan:
Satu (01)

Tatacara Permohonan:

a) Borang permohonan – Borang P1-Tempatan (Bukan Jawatan Akademik) bolehlah didapati dan diisi melalui online di laman sesawang:
<https://unissa.edu.bn/application/form-p1-borang-p1-non-academic-post-local/>

b) Setelah lengkap mengisi borang permohonan melalui online nombor rujukan berserta salinan borang permohonan online akan diantar ke alamat e-mel pemohon. Pemohon dikehendaki menghantar nombor rujukan tersebut ke recruitment@unissa.edu.bn.

c) Jika ada sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi +6738687055 semasa waktu pejabat atau e-mel kepada recruitment@unissa.edu.bn

Tarikh Buka Permohonan:
Isnin,
14 April 2025

Tarikh Tutup Permohonan:
Isnin,
28 April 2025.

Rujukan Iklan:
UNISSA / IJK / JMK / 9 / 2025



Calon-calon yang terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang memenuhi syarat-syarat kelayakan seperti di bawah adalah dipelawa untuk memohon jawatan berikut:

Jawatan:
Jurutera Kanan (Estet)
Universiti Islam Sultan Sharif Ali

Bahagian:
II

Tangga Gaji:
B.3
(BND3,880 - BND4,240 sebulan)

Kekosongan:
Satu (01)

Tatacara Permohonan:

a) Borang permohonan – Borang P1-Tempatan (Bukan Jawatan Akademik) bolehlah didapati dan diisi melalui online di laman sesawang:
<https://unissa.edu.bn/application/form-p1-borang-p1-non-academic-post-local/>

b) Setelah lengkap mengisi borang permohonan melalui online nombor rujukan berserta salinan borang permohonan online akan diantar ke alamat e-mel pemohon. Pemohon dikehendaki menghantar nombor rujukan tersebut ke recruitment@unissa.edu.bn.

c) Jika ada sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi +6738687055 semasa waktu pejabat atau e-mel kepada recruitment@unissa.edu.bn

Tarikh Buka Permohonan:
Isnin,
14 April 2025

Tarikh Tutup Permohonan:
Isnin,
28 April 2025.

Rujukan Iklan:
UNISSA / IJK / JK / 5 / 2025



Calon-calon yang terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang memenuhi syarat-syarat kelayakan seperti di bawah adalah dipelawa untuk memohon jawatan berikut:

Jawatan:
Ketua Juruteknik Makmal
Universiti Islam Sultan Sharif Ali

Bahagian:
III

Tangga Gaji:
C.3-4 EB.5
(BND1,990.00 - BND2,970.00
EB Khas BND3,040.00 -
BND3,320.00 Sebulan)

Kekosongan:
Satu (01)

Tatacara Permohonan:

a) Borang permohonan – Borang P1-Tempatan (Bukan Jawatan Akademik) bolehlah didapati dan diisi melalui online di laman sesawang:
<https://unissa.edu.bn/application/form-p1-borang-p1-non-academic-post-local/>

b) Setelah lengkap mengisi borang permohonan melalui online nombor rujukan berserta salinan borang permohonan online akan diantar ke alamat e-mel pemohon. Pemohon dikehendaki menghantar nombor rujukan tersebut ke recruitment@unissa.edu.bn.

c) Jika ada sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi +6738687055 semasa waktu pejabat atau e-mel kepada recruitment@unissa.edu.bn

Tarikh Buka Permohonan:
Isnin,
14 April 2025.

Tarikh Tutup Permohonan:
Isnin,
28 April 2025

Rujukan Iklan:
UNISSA / IJK / KJM / 2 / 2025



Calon-calon yang terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang memenuhi syarat-syarat kelayakan seperti di bawah adalah dipelawa untuk memohon jawatan berikut:

Jawatan:
Ketua Pembantu Teknik
(Estet)
Universiti Islam Sultan Sharif Ali

Bahagian:
III

Tangga Gaji:
C.3-4 EB.5
(BND1,990.00 - BND2,970.00 EB
Khas BND3,040.00 -
BND3,320.00 Sebulan)

Kekosongan:
Satu (01)

Tatacara Permohonan:

a) Borang permohonan – Borang P1-Tempatan (Bukan Jawatan Akademik) bolehlah didapati dan diisi melalui online di laman sesawang:
<https://unissa.edu.bn/application/form-p1-borang-p1-non-academic-post-local/>

b) Setelah lengkap mengisi borang permohonan melalui online nombor rujukan berserta salinan borang permohonan online akan diantar ke alamat e-mel pemohon. Pemohon dikehendaki menghantar nombor rujukan tersebut ke recruitment@unissa.edu.bn.

c) Jika ada sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi +6738687055 semasa waktu pejabat atau e-mel kepada recruitment@unissa.edu.bn

Tarikh Buka Permohonan:
Isnin,
14 April 2025.

Tarikh Tutup Permohonan:
Isnin,
28 April 2025.

Rujukan Iklan:
UNISSA / IJK / KPT / 3 / 2025



Calon-calon yang terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang memenuhi syarat-syarat kelayakan seperti di bawah adalah dipelawa untuk memohon jawatan berikut:

Jawatan:
Pengguna Makmal
Universiti Islam Sultan Sharif Ali

Bahagian:
II

Tangga Gaji:
UB.1 EB.2
(BND2,450.00 - BND3,760.00 EB
Khas BND3,880.00 -
BND4,240.00 Sebulan)

Kekosongan:
Satu (01)

Tatacara Permohonan:

a) Borang permohonan – Borang P1-Tempatan (Bukan Jawatan Akademik) bolehlah didapati dan diisi melalui online di laman sesawang:
<https://unissa.edu.bn/application/form-p1-borang-p1-non-academic-post-local/>

b) Setelah lengkap mengisi borang permohonan melalui online nombor rujukan berserta salinan borang permohonan online akan diantar ke alamat e-mel pemohon. Pemohon dikehendaki menghantar nombor rujukan tersebut ke recruitment@unissa.edu.bn.

c) Jika ada sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi +6738687055 semasa waktu pejabat atau e-mel kepada recruitment@unissa.edu.bn

Tarikh Buka Permohonan:
Isnin,
14 April 2025.

Tarikh Tutup Permohonan:
Isnin,
28 April 2025.

Rujukan Iklan:
UNISSA / IJK / PMkml / 7 / 2025



Keperluan ABDB

Yuran Tawaran :
BND100.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran dilanjutkan kepada
Selasa, 29 April 2025, jam 2.00 Petang

Tarikh Tutup Tawaran Dilanjutkan Sehingga :
Selasa,
6 Mei 2025,
Jam 2.00 Petang



Makluman Iklan Lanjutan

Bilangan Rujukan dan Tajuk Tawaran :
MINDEF / DFA / FY2024 / LOG / TA / 02
Pembelian Rangsum Bungkus Selama 18 Bulan Bagi



Bilangan Tawaran Sebut Harga:
03 / JPB / SH / 2025

Keterangan:
Tawaran Sebut Harga
Membekalkan Catuan Makanan
Bagi Penjara Lelaki Maraburong Fasa 3 (Bagi Tempoh 3 Bulan)

Yuran Tawaran:
BND5.00

Tarikh Tutup Dan Waktu:
Selasa,
6 Mei 2025
tidak lewat
jam 2.00 Petang





UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI

Calon-calon yang terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang memenuhi syarat-syarat kelayakan seperti di bawah adalah dipelawa untuk memohon jawatan berikut:

Jawatan:
Pustakawan
Universiti Islam Sultan Sharif Ali

Bahagian:
II

Tangga Gaji:
UB.1 EB.2
(BND2,450.00 - BND3,760.00
EB Khas BND3,880.00 –
BND4,240.00 Sebulan)

Kekosongan:
Satu (01)

Tatacara Permohonan:

a) Borang permohonan – Borang P1-Tempatan (Bukan Jawatan Akademik) bolehlah didapati dan diisi melalui online di laman sesawang:
<https://unissa.edu.bn/application/form-p1-borang-p1-non-academic-post-local/>

b) Setelah lengkap mengisi borang permohonan melalui online nombor rujukan berserta salinan borang permohonan online akan diantar ke alamat e-mel pemohon. Pemohon dikehendaki menghantar nombor rujukan tersebut ke recruitment@unissa.edu.bn.

c) Jika ada sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi +6738687055 semasa waktu pejabat atau e-mel kepada recruitment@unissa.edu.bn

Tarikh Buka Permohonan:
Isnin,
14 April 2025.

Tarikh Tutup Permohonan:
Isnin,
28 April 2025.

Rujukan Iklan:
UNISSA / IJK / Pst / 6 / 2025



Calon-calon yang terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang memenuhi syarat-syarat kelayakan seperti di bawah adalah dipelawa untuk memohon jawatan berikut:

Jawatan:
Penyelia Asrama Universiti Islam Sultan Sharif Ali

Bahagian:
III

Tangga Gaji:
C.3-4 EB.5
(BND1,990.00 - BND2,970.00 EB
Khas BND3,040.00 –
BND3,320.00 Sebulan)

Kekosongan:
Dua (02)

Tatacara Permohonan:

a) Borang permohonan – Borang P1-Tempatan (Bukan Jawatan Akademik) bolehlah didapati dan diisi melalui online di laman sesawang:
<https://unissa.edu.bn/application/form-p1-borang-p1-non-academic-post-local/>

b) Setelah lengkap mengisi borang permohonan melalui online nombor rujukan berserta salinan borang permohonan online akan diantar ke alamat e-mel pemohon. Pemohon dikehendaki menghantar nombor rujukan tersebut ke recruitment@unissa.edu.bn.

c) Jika ada sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi +6738687055 semasa waktu pejabat atau e-mel kepada recruitment@unissa.edu.bn

Tarikh Buka Permohonan:
Isnin,
14 April 2025.

Tarikh Tutup Permohonan:
Isnin,
28 April 2025.

Rujukan Iklan:
UNISSA / IJK / PA / 4 / 2025



Calon-calon yang terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang memenuhi syarat-syarat kelayakan seperti di bawah adalah dipelawa untuk memohon jawatan berikut:

Jawatan:
Penolong Pegawai Perpustakaan Tingkat II
Universiti Islam Sultan Sharif Ali

Bahagian:
III

Tangga Gaji:
C.1-2 EB.3
(BND1,280.00 - BND2,270.00 EB
Khas BND2,340.00 –
BND2,620.00 Sebulan)

Kekosongan:
Satu (01)

Tatacara Permohonan:

a) Borang permohonan – Borang P1-Tempatan (Bukan Jawatan Akademik) bolehlah didapati dan diisi melalui online di laman sesawang:
<https://unissa.edu.bn/application/form-p1-borang-p1-non-academic-post-local/>

b) Setelah lengkap mengisi borang permohonan melalui online nombor rujukan berserta salinan borang permohonan online akan diantar ke alamat e-mel pemohon. Pemohon dikehendaki menghantar nombor rujukan tersebut ke recruitment@unissa.edu.bn.

c) Jika ada sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi +6738687055 semasa waktu pejabat atau e-mel kepada recruitment@unissa.edu.bn

Tarikh Buka Permohonan:
Isnin,
14 April 2025.

Tarikh Tutup Permohonan:
Isnin,
28 April 2025.

Rujukan Iklan:
UNISSA / IJK / PPPII / 10 / 2025



Calon-calon yang terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang memenuhi syarat-syarat kelayakan seperti di bawah adalah dipelawa untuk memohon jawatan berikut:

Jawatan:
Penolong Pegawai Kewangan Tingkat I
Universiti Islam Sultan Sharif Ali

Bahagian:
III

Tangga Gaji:
C.3-4 EB.5
(BND1,990.00 - BND2,970.00 EB
khas BND3,040.00 –
BND3,320.00 sebulan)

Kekosongan:
Satu (01)

Tatacara Permohonan:

a) Borang permohonan – Borang P1-Tempatan (Bukan Jawatan Akademik) bolehlah didapati dan diisi melalui online di laman sesawang:
<https://unissa.edu.bn/application/form-p1-borang-p1-non-academic-post-local/>

b) Setelah lengkap mengisi borang permohonan melalui online nombor rujukan berserta salinan borang permohonan online akan diantar ke alamat e-mel pemohon. Pemohon dikehendaki menghantar nombor rujukan tersebut ke recruitment@unissa.edu.bn.

c) Jika ada sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi +6738687055 semasa waktu pejabat atau e-mel kepada recruitment@unissa.edu.bn

Tarikh Buka Permohonan:
Isnin,
14 April 2025.

Tarikh Tutup Permohonan:
Isnin,
28 April 2025.

Rujukan Iklan:
UNISSA / IJK / PPKII / 8 / 2025



JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI

Tajuk Tawaran:
Removal The Foundation Of
Concrete Platform At Localiser 21
(Llz21), Department Of Civil
Aviation ATELS / 2025 / SH-12

Tarikh Iklan / Mengambil Dokumen Sebut Harga:
16 April 2025, Rabu.

Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Sebut Harga:
29 April 2025, Selasa.

Tarikh Tutup Sebut Harga:
30 April 2025, Rabu.
(Tidak lewat jam 2.00 Petang)

Kepada:
Pengerusi
Jawatankuasa Sebut Harga
d/a Aras Bawah,
Bangunan Ibu Pejabat
Jabatan Penerbangan Awam
Kementerian Pengangkutan dan
Infokomunikasi
Bandar Seri Begawan BB2513
Negara Brunei Darussalam



JABATAN PEMBANGUNAN
MASYARAKAT
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN

Kenyataan Tawaran

Bilangan Tawaran:
(02-2025)JAPEM / 2.3 / 4 / 03

Tajuk Tawaran:
Perkhidmatan Pembekalan
Rancangan Pemakanan
(Barang-Barang Kering) Bagi
Kompleks Rumah Kebajikan
(KRK) Belimbang, Subok Untuk
Tempoh 24 Bulan

Bilangan Tawaran:
(01-2025)JAPEM / 2.3 / 4 / 03

Tajuk Tawaran:
Perkhidmatan Pembekalan
Rancangan Pemakanan
(Barang-Barang Mentah) Bagi
Kompleks Rumah Kebajikan
(KRK) Belimbang, Subok Untuk
Tempoh 24 Bulan

Bayaran Yuran Tawaran :
BND30.00 (Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa 6 Mei 2025
Jam 2.00 Petang



Kenyataan Bagi Mendapatkan
Tawaran Sebut Harga

Bilangan Rujukan:



Kenyataan Bagi Mendapatkan
Tawaran Sebut Harga

Bilangan Rujukan:



Kenyataan Bagi Mendapatkan
Tawaran Sebut Harga

Bilangan Rujukan:



Kenyataan Bagi Mendapatkan
Tawaran Sebut Harga

Bilangan Rujukan:



Kenyataan Bagi Mendapatkan
Tawaran Sebut Harga

Bilangan Rujukan:



Kenyataan Bagi Mendapatkan
Tawaran Sebut Harga

Bilangan Rujukan:

جوالن سالینان گمبر ۲ دیگنیتل

JUALAN SALINAN GAMBAR-GAMBAR DIGITAL



HARGA JUALAN

Penjualan harga bagi satu gambar digital adalah BND20.
Penjualan cd sekeping adalah BND1. Penjualan satu gambar digital dan
satu keping cd adalah BND21.
(Gambar-gambar yang hanya melibatkan ahli kerabat Diraja tidak akan dijual).

TEMPAT MENERIMA TEMPAHAN GAMBAR/ MENERIMA BAYARAN

Kaunter Unit Fotografi bagi menerima tempahan gambar dan tempat menerima
pembayaran Kaunter Unit Kewangan, Jabatan Penerangan.

JENIS-JENIS

Penjualan salinan gambar-gambar digital yang terdapat dalam
[laman galeri Infofoto \(www.infofoto.gov.bn\)](http://www.infofoto.gov.bn)
dan juga gambar-gambar yang terdapat dalam simpanan jabatan yang diambil
oleh warga Jabatan Penerangan.

IBU PEJABAT JABATAN PENERANGAN

JABATAN PENERANGAN,
JABATAN PERDANA MENTERI,
LAPANGAN TERBANG LAMA,
BERAKAS, BB3510,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TALIAN : 2383400
FAKS : 2382242

GAMBAR BOLEH DIBELI MELALUI:
KAUNTER UNIT FOTO, ARAS BAWAH,
BANGUNAN ASAL JABATAN PENERANGAN

WAKTU PERNIAGAAN

Isnin - Khamis
8.00 Pagi – 12.00 T/hari
2.00 Ptg – 3.00 Ptg
Sabtu
8.00 Pagi – 11.00 Pagi



InfoDeptBN



Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Brunei Darussalam




infodept.bn



infodept_bn

PENJIMATAN BESAR MEMBELI BARANG 'PRE-LOVED'



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 16 April. - Membeli aksesori *pre-loved* seperti beg dan kasut memang menjadi pilihan ramai pada masa kini, dan ia sebenarnya boleh jadi sangat berbaloi, bergantung kepada beberapa faktor penting.

Antara kelebihan membeli barang *pre-loved* ialah penjimatan besar yang mana harga barang *pre-loved* biasanya jauh lebih

rendah daripada yang baharu, terutama bagi jenama mewah.

Ia memberi akses kepada jenama premium kerana ramai yang tidak mampu membeli jenama eksklusif secara baharu, jadi membeli secara *pre-loved* memberi peluang memiliki barang impian dengan harga lebih mampu milik selain kualiti masih baik di mana sesetengah barang masih kelihatan hampir baharu kerana dijaga rapi oleh pemilik terdahulu (kiri dan kanan).

Membeli barang *pre-loved* juga sebagai sokongan terhadap kelestarian alam sekitar kerana membeli barang terpakai membantu mengurangkan pembaziran dan menyokong amalan kitar semula dalam dunia fesyen.

Namun ada juga kekurangan yang perlu dipertimbangkan seperti risiko barang tiruan yang biasa berlaku, terutamanya jika dibeli daripada sumber yang tidak sah atau tidak dipercayai.

Selain itu, tidak semua barang *pre-loved* berada dalam keadaan baik. Oleh itu, ia perlu diperiksa secara teliti misalnya daripada gambar, keterangan, atau jumpa secara fizikal jika boleh, dan tiada



Berita dan Foto : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

jaminan atau polisi pemulangan kerana kebanyakan penjual *pre-loved* tidak menawarkan jaminan seperti kedai rasmi.

Bagi Dayang Nera Rozinniza binti Haji Abdul Raup ketika ditemu bual Pelita Brunei, beliau sendiri menjelaskan sebagai penjual dan pembeli *pre-loved*, beliau merasa berbaloi kerana ia mampu milik dan jauh lebih murah daripada yang baru terutama sekali barang-barang yang berkualiti dan berjenama.

"Tidak perlu kita membazir untuk mendapatkan bag atau kasut baru sekiranya yang *pre-loved* pun masih kelihatan seperti baharu.

Selain dapat menjimatkan belanja, membeli barang *pre-loved* juga umpsama *treasure*

hunt kerana barang yang berjenama biasanya mempunyai kuantiti yang sedikit menjadikan ia susah untuk didapatkan apatah lagi yang *limited edition*," ujar Pengusaha Dang Ikal dan Abang Cheeky Co.

Menurutnya, membeli barang *pre-loved* juga boleh kelihatan baharu memandangkan perkhidmatan mencuci beg dan kasut misalnya sudah ada di mana-mana.

Tambah Dayang Nera Rozinniza, penjual pun mestilah tahu kesesuaian memberi harga mengikut kualiti dan gaya barang yang dijual tidak kira apa jua jenis, dan pengguna juga perlu bijak untuk membeli keperluan bukan kemahuan.

Secara umum, semakin ramai



DAYANG Nera Rozinniza binti Haji Abdul Raup ketika ditemu bual.

pengguna terbuka dan positif terhadap pembelian barang *pre-loved*, terutama generasi muda yang lebih peka terhadap isu kelestarian dan nilai wang dan ada juga segelintir yang masih lebih gemar barang baharu kerana persepsi status sosial atau kebersihan, tapi trend semakin berubah dengan wujudnya banyak platform *trusted* yang menjual barang *pre-loved* berkualiti tinggi.

Kalau tahu cara menilai kualiti dan beli dari sumber yang sah, beli barang *pre-loved* memang berbaloi. Ia bukan sahaja jimat, malah bijak daripada segi gaya hidup moden dan lestari.

2 wanita didenda kerana melanggar Perintah Agensi Pekerjaan

■ Siaran Akbar : Jabatan Buruh

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 16 April. - Seorang perempuan warga tempatan dan seorang pemilik agensi pekerjaan yang berlesen, mengaku bersalah di Mahkamah Majistret pada Isnin, 14 April 2025 atas pertuduhan di bawah Perintah Agensi Pekerjaan 2004 kerana menjalankan kegiatan agensi pekerjaan tanpa lesen dan meminjamkan lesen agensi pekerjaan kepada individu tanpa lesen.

Hajah Dayang Tirahmat @ Hajah Dayang Siti Armah binti Haji Untong, berumur 67 tahun telah mengaku menjalankan kegiatan agensi pekerjaan antara Oktober 2023 hingga Januari 2024 tanpa lesen yang sah yang dikeluarkan oleh Pesuruhjaya Buruh.

Sementara itu, Dayang Suyanti binti Haji Sarji, 56 tahun, pemilik kepada agensi pekerjaan yang berlesen iaitu Suyanti Sarji Employment Agency, mengaku bersalah kerana meminjamkan lesen agensi pekerjaannya kepada Hajah Dayang Tirahmat dalam tempoh sama, yang membolehkannya menjalankan kegiatan bagi pengambilan pekerja asing secara haram.

Di bawah Bab 6(1), Perintah Agensi Pekerjaan, 2004, tiada seorang pun boleh menjalankan agensi pekerjaan melainkan dia adalah pemegang suatu lesen yang diberikan oleh Pesuruhjaya.

Sehubungan itu, di bawah Bab 31(f), Perintah yang sama, telah memperuntukkan larangan bagi pemegang lesen agensi daripada meminjamkan, memindah milik atau menyerahkan atau cuba meminjamkan, memindah milik atau menyerahkan lesen agensi

mereka kepada orang lain.

Dalam kes ini, Hajah Dayang Tirahmat, telah didakwa oleh Timbalan Pendakwa Raya, Emily Goh dengan satu tuduhan di bawah Bab 6(1), Perintah Agensi Pekerjaan 2004 di depan Majistret Syaffina Shahif. Tertuduh didapati bersalah dan mengakui kesalahan yang telah dilakukan pada suatu ketika antara bulan Oktober 2023 hingga Januari 2024.

Manakala, pemilik Suyanti Sarji Employment Agency didapati bersalah dan mengakui kesalahan yang telah dilakukan.

Siasatan daripada Bahagian Agensi Pekerjaan di Jabatan Buruh telah mendedahkan bahawa Dayang Hajah Tirahmat telah terlibat dalam aktiviti iaitu membantu dua orang majikan dalam pengambilan pembantu rumah warganegara Indonesia dan seorang pemandu persendirian dengan menggunakan lesen Suyanti Sarji Employment Agency. Sebagai balasan, dia menerima bayaran berjumlah BND9,000 iaitu BND3,000 secara tunai daripada seorang majikan dan BND6,000 melalui pemindahan bank daripada individu lain.

Dia juga mengeluarkan resit atas nama sendiri dan menerima komisen peribadi sebanyak BND200 bagi setiap pekerja, manakala sebahagian besar bayaran digunakan untuk menampung kos agensi pekerjaan di Indonesia dan yuran pemprosesan pekerja.

Bagi Suyanti Sarji Employment Agency pula, pemilik telah mengakui membenarkan Hajah Dayang Tirahmat menggunakan lesen dan dokumen agensi

pekerjaannya untuk permohonan ke Jabatan Buruh. Selain itu, dia juga membenarkan Hajah Dayang Tirahmat untuk menggunakan kontrak perjanjian bagi pengambilan pekerja di antara majikan dan agensi pekerjaan miliknya.

Dia menerima BND500 sebanyak dua kali daripada Hajah Dayang Tirahmat untuk kos pemprosesan berkaitan pekerja iaitu urusan Job Order, Visa, Endorsement Passport dan Pemeriksaan Perubatan.

Bagi pertuduhan berkenaan, pada Selasa, 15 April 2025, Hajah Dayang Tirahmat telah dijatuhkan hukuman denda di bawah Bab 6(2), Perintah Agensi Pekerjaan 2004 sebanyak BND1,000.00.

Jika gagal membayar denda, hukuman penjara selama satu bulan bagi kesalahan yang dilakukan.

Manakala, pemilik Suyanti Sarji Employment Agency juga telah dijatuhkan hukuman denda di bawah Bab 31(f), Perintah Agensi Pekerjaan 2004 sebanyak BND2,000. Jika gagal membayar denda, hukuman penjara selama dua bulan bagi kesalahan yang dilakukan.

Tarikh akhir bagi kedua-dua tertuduh untuk membayar denda pada 13 Mei 2025.

Jabatan Buruh ingin mengingatkan orang ramai untuk tidak menjalankan sebarang kegiatan agensi pekerjaan khasnya bagi tujuan proses pengambilan, membekalkan dan mendatangkan pekerja-pekerja asing ke Negara Brunei Darussalam untuk tujuan pekerjaan tanpa lesen daripada Pesuruhjaya Buruh.

Jabatan Buruh juga ingin mengingatkan agensi pekerjaan

yang berlesen untuk tidak meminjamkan lesen agensi kepada orang lain dan hendaklah sentiasa mematuhi undang-undang di bawah Perintah Agensi Pekerjaan 2004.

Jabatan Buruh memohon kerjasama orang ramai bagi sama-sama memberikan maklumat berhubung dengan sebarang pelanggaran Perintah Agensi Pekerjaan, 2004, khususnya bagi kesalahan menjalankan kegiatan agensi

pekerjaan tanpa lesen daripada Pesuruhjaya Buruh dengan menghubungi hotline Bahagian Agensi Pekerjaan di talian +673 8753594 atau e-mel kepada agensi.pekerjaan@buruh.gov.bn.

Orang ramai bolehlah melayari laman sesawang Jabatan Buruh, di alamat <http://www.labour.gov.bn/Theme/Home.aspx>, untuk maklumat terkini bagi senarai agensi pekerjaan yang berlesen di Jabatan Buruh.



SAMBUTAN HARI RAYA ERATKAN SILATURAHIM



Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Alishahrin Haji Mumin

TUTONG, Khamis, 17 April. - Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid, Muslimah dan Kumpulan Belia Ibadurrahman Masjid Hassanal Bolkiah Pekan Tutong menganjurkan Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri.

Majlis berkenaan berlangsung malam tadi di Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul

Rani.

Majlis bermula sejurus menuaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah.

Terdahulu, bacaan Surah Al-Fatiyah dipimpin oleh Imam masjid berkenaan, Awang Sahibol Omar bin Haji Yusof.

Seterusnya, ucapan alu-aluan daripada Ketua Imam masjid berkenaan, Awang Mohammad Waiz bin Tajuddin dan disusuli dengan tayangan video Ramadan 1446 Hijrah.

Majlis juga diserikan dengan

persempahan bacaan Al-Quran berserta terjemahannya, diikuti dengan penyampaian sagu hati galakan kepada 20 kanak-kanak yang mengikuti Tadarus Ramadan 1446H.

Majlis berakhir dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam oleh Pegawai Perantis Hal Ehwal Masjid berkenaan, Awang Abdul Hafiz bin Haji Abd. Kadiroshman.

Majlis seumpamanya dihasrat dapat mempererat perpaduan dan ukhuwah dalam merayakan Hari Raya Aidilfitri.

RA'ES Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri dan seterusnya menyampaikan sagu hati kepada salah seorang penerima (kiri dan atas).

Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia Sila muat turun PenggunaBijak

Anda boleh mendapatkan harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia. Sila muat turun PenggunaBijak untuk mendapatkan maklumat terkini tentang harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia.

PenggunaBijak Smart

Available on the App Store Google play



Oleh dan Foto: Nurul Rasyidah Mohamad Rosland

MENJELANG Syawal tahun ini, media sosial dihiasi dengan satu trend terbaru yang mencuri perhatian ramai, iaitu gambar kartun sempena Hari Raya Aidilfitri. Gambar kartun yang dihasilkan dengan bantuan Kecerdasan Buatan atau Artificial Intelligence (AI) seperti mana dalam gambar yang dipaparkan di atas, menggambarkan suasana hari raya dalam bentuk ilustrasi bergaya animasi. Pengguna hanya perlu memuat naik gambar sebenar atau memberikan arahan ringkas, dan sistem AI akan menukar gambar tersebut dalam bentuk kartun.

Trend ini mendapat sambutan hangat di kalangan masyarakat, di mana ramai individu dan keluarga berkongsi gambar versi kartun mereka lengkap dengan memakai pakaian raya. Gambar-gambar ini bukan sahaja menjadi tontonan menarik bahkan menjadi satu bentuk kenangan digital yang tersendiri dan mudah dikongsi melalui platform digital seperti WhatsApp, Instagram dan Tiktok.

Namun, di sebalik keterujaan masyarakat terhadap trend ini, terdapat beberapa isu dan cabaran yang wajar diberi perhatian. Antaranya ialah risiko terhadap privasi apabila pengguna tanpa sedar memuat naik gambar peribadi ke platform pihak ketiga yang tidak diketahui keselamatannya. Gambar tersebut mungkin disimpan, digunakan semula atau dikongsi tanpa kebenaran.

Selain itu, terlalu bergantung kepada AI boleh mengurangkan apresiasi dan penghargaan terhadap karya seni lukisan hasil tangan manusia sendiri. Meskipun AI mampu menjana imej dengan pantas, karya

Trend gambar kartun semasa Hari Raya curi perhatian ramai



seni manusia tetap mempunyai nilai yang tersendiri dan penuh makna serta ketelitiannya. Ini adalah satu keistimewaan yang tidak dapat ditiru oleh AI dan perlu dititikberatkan.

Justeru, dalam mengharungi era digital yang semakin canggih ini, masyarakat disarankan agar terus celik teknologi dan bijak dalam membuat pilihan. Trend seperti gambar kartun AI semasa hari raya ini boleh menjadi suatu bentuk ekspresi yang menyeronokkan dan kreatif, namun ia perlulah dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab serta tidak melupakan sumbangsan insan-insan seni yang telah lama berkecimpung dalam dunia ilustrasi. Elakkan dari terlalu bergantung kepada AI untuk kesenangan diri.

Secara keseluruhannya, trend gambar kartun ini memperlihatkan bagaimana teknologi sekarang semakin moden dan maju. Namun, masyarakat juga diharap dapat terus memanfaatkan teknologi ini dengan penuh kesedaran dan tidak lupa untuk menghargai peranan para seniman dan pelukis yang selama ini menjadi tulang belakang industri kreatif.

Oleh itu, janganlah kita terlalu leka dalam menggunakan teknologi canggih ini. Keaslian karya hasil sentuhan manusia

adalah lebih signifikan demi meneruskan legasi para seniman untuk generasi masa akan datang.



Sambutan Hari Raya platform tingkatkan perpaduan

Oleh : Hajah Rosidah Haji Ismail

Foto : Jabatan Penerangan

SAMBUTAN Hari Raya Aidilfitri masih lagi diraikan dan kemeriahannya sentiasa mengujakan tanpa mengira bangsa. Suasana hangat dan mesra tuan rumah menerima tetamu yang berkunjung untuk sama-sama menyambut hari raya menjadikan hari raya lebih bererti lagi.

Pada Sabtu, 13 Syawal 1446 bersamaan 12 April 2025, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah menganjurkan Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa, Negara Brunei Darussalam. Majlis ini adalah merupakan kali Ke-21 dianjurkan oleh Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah sejak majlis ini mula diadakan pada tahun 2003. Tema tahun ini 'Perpaduan Masyarakat Dalam Mencapai Aspirasi Negara' mencerminkan komitmen Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah untuk menyemarakkan semangat kerjasama, kesatuhan, dan keharmonian dalam kalangan masyarakat iaitu dengan menyatukan pelbagai lapisan masyarakat, bagi mewujudkan sinergi yang kuat ke arah mencapai kemajuan bersama, selaras dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan

berangkat bercemar duli ke majlis ini berserta Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Kerabat Diraja yang lain.

Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah ini memberikan kesempatan kepada para peserta untuk bersua muka dan beramah mesra dengan raja yang sangat dikasihi dan menyembahkan junjung kasih Kehadapan Majlis baginda dalam suasana yang lebih mesra dan meriah. Para peserta yang diketekhnahkan pada setiap tahun adalah terdiri daripada kumpulan masyarakat yang dikenal pasti dapat memberikan kepentingan dalam menjana kesejahteraan, kebajikan dan kepentingan kepada agama, raja, bangsa dan negara.

Apabila memperkatakan mengenai perpaduan, jelas peluang untuk mengukuhkan perpaduan dapat dilaksanakan dalam acara perayaan dan ini termasuklah semasa sambutan Hari Raya. Berkumpul bersama keluarga, dan kemudian bersama jiran tetangga serta kawan-kawan membubahkan ikatan persaudaraan yang erat meskipun hanya sekejap sahaja ziarah menziarahi. Suasana seperti ini tidak dinafikan memelihara keharmonian dengan semangat perpaduan, saling menghormati dan memperkuuh hubungan sesama kita. Justeru amalan

kunjung-mengunjung pada Syawal ini dapat dimanfaatkan ikatan ukhuwah, saling bermaafan serta mengeratkan perpaduan tanpa mengira bangsa dan agama. Ini kerana perpaduan yang kukuh adalah asas kepada kemakmuran dan kejayaan sesebuah negara. Melalui perpaduan yang terjalin erat, rakyat di negara ini mampu menghadapi segala cabaran yang mendatang dan mencipta peluang holistik bagi meningkatkan kesejahteraan hidup bersama.

Majlis-majlis sambutan Hari Raya juga rancak diadakan di kampung-kampung yang mana ianya dikendalikan secara bergotong-royong dengan suasana mesra oleh penduduk kampung. Sifat kepimpinan Ketua-ketua Kampung di peringkat akar umbi bersama Majlis Perundingan Kampung sewajarnya dihargai kerana usaha-usaha yang dilakukan semata-mata untuk menyatukan anak buah kampung membawa satu jalinan ikatan silaturahim kesefahaman dan perpaduan antara semua penduduk kampung tidak kira tua atau muda. Bahkan keberkatan Hari Raya ini tidak mustahil dapat menjalankan semula hubungan yang renggang sesama jiran atau keluarga disebabkan oleh masalah lalu. Semoga dengan adanya pelbagai acara sambutan Aidilfitri, persefahaman dalam kalangan warga terus utuh dari pelbagai agama dan bangsa akan dapat ditingkatkan.

Ini menjadikan Aidilfitri sebagai wasilah memperkuuh perpaduan sesama umat

Islam dan masyarakat secara keseluruhan selain meraikan kemenangan dalam perjuangan menongkah arus ujian serta cabaran ibadah puasa dengan takbir dan tahmid. Aidilfitri juga bukan sekadar satu perayaan agama, tetapi menjadi medan untuk mengeratkan lagi hubungan dan persefahaman antara ahli keluarga, jiran tetangga, rakan taulan dan masyarakat.

Aidilfitri hendaklah disambut dalam semangat yang memenuhi tuntutan agama dengan bersedekah, menghulurkan bantuan kepada fakir miskin, melimpahkan kasih sayang kepada anak-anak yatim. Umat Islam perlu meningkatkan amalan berkongsi rezeki dengan golongan yang memerlukan kerana amalan berkongsi rezeki bukan sahaja mengimarkan suasana Aidilfitri, malah ianya satu usaha terpuji dalam memastikan semua orang terutama kanak-kanak dapat menikmati suasana Hari Raya. Ini menunjukkan perpaduan apabila sumbangan amal jariah yang dihulurkan pada Hari Raya ini, sedikit sebanyak dapat meringankan beban mereka yang kurang berasib baik, sekali gus mencerminkan sikap keprihatinan yang tinggi golongan dermawan terhadap mereka yang kurang berasib baik di negeri ini.

Menghidupkan suasana riang gembira dalam semangat kesederhanaan yang tidak melakukan pembaziran perlu menjadi antara teras sambutan perayaan Hari Raya agar hidup akan sentiasa dalam keberkatan Allah Subhanahu Wata'ala.



54 PELAJAR ISB TERIMA ANUGERAH ANTARABANGSA DOFE



SESI bergambar ramai para pelajar pada Majlis Anugerah Antarabangsa The Duke of Edinburgh (DofE), di Teater Sekolah Antarabangsa Brunei (ISB).

Siaran Akhbar dan Foto : Sekolah Antarabangsa Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Kamis, 17 April. - Sekolah Antarabangsa Brunei (ISB) meraikan pencapaian cemerlang pelajarnya yang menerima Emas, Perak dan Gangsa dalam Anugerah Antarabangsa The Duke of Edinburgh (DofE) bagi Tahun Akademik 2024/2025, pada Majlis Anugerah Antarabangsa DofE, di Teater ISB baru-baru ini.

Majlis itu mengiktiraf dedikasi dan kecemerlangan pemenang anugerah.

Majlis tersebut dihadiri oleh Ketua Menengah ISB, Dr. Peter

Jones; Timbalan Ketua Menengah ISB, Ai Ling Wong dan ibu bapa serta ahli keluarga pelajar yang menerima anugerah.

Bagi Tahun Akademik 2024/2025, seramai 54 pelajar dari peringkat Menengah ISB dan Program Diploma Antarabangsa Baccalaureate (IB) ISB mencapai pengiktirafan penting ini, dengan empat anugerah Emas, 13 Perak dan 37 Gangsa.

Sebuah peringkat Anugerah Antarabangsa DofE memerlukan peserta melibatkan diri dalam empat bahagian utama iaitu kesukarelawanan, kemahiran,

rekreasi fizikal dan ekspedisi yang dipanggil Adventurous Journey. Anugerah Emas juga termasuk bahagian Residential, di mana peserta menghabiskan lima hari empat malam dalam suasana bekerja bersama rakan baru dengan satu tujuan.

Bercakap pada majlis anugerah itu, Dr. Peter Jones, berkata,

"Anugerah Antarabangsa DofE adalah anugerah berprestij. Ia berkait rapat dengan etos sekolah kami dan Program Diploma IB. Ia memberi inspirasi kepada minda, membentuk nilai, dan membina masa depan. Melalui anugerah itu, pelajar membina keyakinan, membangunkan kemahiran sosial

dan kepimpinan, menjadi lebih berdaya tahan dan mudah menyesuaikan diri, teratur dan bijak. Di samping itu, mereka mempelajari lebih lanjut tentang diri mereka dan keupayaan tanpa had mereka sendiri serta membangunkan hubungan dan persahabatan baharu dengan orang lain."

"Kepada pemenang Anugerah Antarabangsa DofE, Tahniah diucapkan. Awda mempamerkan keazaman: semangat perkhidmatan, dorongan untuk cabaran peribadi dan pengembaraan. Awda belajar untuk melangkaui sempadan keupayaan awda, untuk memberi kembali

kepada komuniti awda dan untuk menemui kekuatan awda sendiri. Bawa semangat itu bersama awda, dan awda akan mendapat tiada had untuk apa yang boleh awda capai," tambah Dr. Jones.

Diiktiraf secara meluas sebagai anugerah pencapaian belia terkemuka dunia, Anugerah Antarabangsa DofE ialah piawai emas dalam pembangunan belia, yang mencabar golongan belia untuk bercita-cita tinggi, meraikan pencapaian mereka dan membuat perubahan di dunia. Melalui pembangunan kemahiran yang boleh dipindah milik, meningkatkan tahap kecerdasan mereka, memupuk rasa pengembaraan dan kesukarelawanan dalam komuniti mereka. Anugerah ini membantu golongan belia mencari tujuan, semangat dan tempat mereka di dunia. Ia beroperasi di lebih 140 negara dan rantau, membantu memberi inspirasi kepada berjuta-juta belia.

Pelajar ISB dalam program Anugerah Antarabangsa DofE meningkatkan keyakinan, daya tahan dan kemahiran kerja berpasukan mereka sambil menyelesaikan semua cabaran, yang diharapkan dengan baik dalam jangka masa yang ditetapkan.

Anugerah itu juga dilihat sebagai tanda kecemerlangan yang mengukuhkan permohonan untuk universiti dan pekerjaan masa depan.

Helang Kepala Kelabu / 'Grey-Headed Fishing Eagle'



Nama Binatang :

Helang Kepala Kelabu / Grey-Headed Fishing Eagle

Nama Tempatan :

Burung Helang Kepala Kelabu / Helang Kanguk Besar

Nama Saintifik :

Ichthyophaga ichthyaetus

Order : Accipitriformes

Kelas Spesies : Aves

IUCN : Hampir terancam / Near Threatened

CITES : Appendix II

Saiz: 70 sentimeter

Maklumat disediakan oleh : Seksyen Pengurusan, Bahagian Hidupan Liar, Jabatan Perhutanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

PADA bulan ini, kita akan mengenali dengan lebih dekat spesies burung yang menakjubkan - Helang Kepala Kelabu atau lebih dikenali sebagai Grey-Headed Fishing Eagle. Burung ini mempunyai nama saintifik *Ichthyophaga ichthyaetus* dan dikenali dengan rupa yang cukup unik dan menarik. Burung Helang Kepala Kelabu dewasa boleh dikenali melalui bulu badan yang berwarna kelabu-coklat dengan kepala berwarna kelabu pucat dan mata besar berwarna pucat, perut dan ekor berwarna putih dengan jalur *subterminal* hitam yang luas. Dada dan leher burung helang ini berwarna coklat, dengan sayap di bahagian atas coklat gelap dengan warna primer yang lebih hitam dan di bawahnya berwarna coklat. Burung Helang Kepala Kelabu di peringkat juvana mempunyai kepala dan leher berwarna coklat, kelabu pada bahagian tekak, dengan *buff supercilia* dan jalur keputihan.

Burung Helang Kepala Kelabu merupakan pemangsa yang berkemahiran dalam menangkap ikan air tawar. Mereka menggunakan paruh mereka yang panjang dan tajam untuk menyambat ikan dari

permukaan air, menjadikannya sebagai pemangsa yang penting dalam mengekalkan keseimbangan ekosistem di kawasan perairan. Mereka boleh ditemui di sepanjang pantai, tasik, dan sungai, terutama di kawasan-kawasan yang kaya dengan sumber air tawar.

Apa yang membuatkan Burung Helang Kepala Kelabu ini begitu unik adalah cara ia menyesuaikan diri dengan persekitarannya. Burung ini tidak hanya bergantung pada kekuatan sayapnya untuk terbang, tetapi ia juga sangat mahir dalam berenang dan menyelam untuk menangkap ikan. Keupayaan ini menjadikannya salah satu daripada spesies helang yang mampu untuk terjun ke dalam air untuk menangkap makanannya, sesuatu yang jarang ditemui dalam kalangan spesies helang lain. Selain itu, helang ini memiliki struktur paruh yang kuat dan kaki yang berkuasa, membolehkannya memegang mangsa yang lebih besar dengan kukuh. Keistimewaan ini menunjukkan betapa spesies ini telah berkembang untuk hidup dalam persekitaran yang berbeza, menjadikannya sebagai ikon di kalangan burung pemangsa air.

Spesies ini memainkan peranan penting dalam rantaian makanan dan ekosistem mereka. Sebagai pemangsa puncak, mereka membantu mengawal populasi ikan dan organisme akuatik lainnya, sekali gus memastikan kestabilan populasi dan keanekaragaman biologi di habitat mereka. Ketiadaan mereka boleh menyebabkan

Sumber Foto : Eduardo Bautista, Awang Markim Haji Rahman, BWPC 2022, JPH

ketidakseimbangan dalam ekosistem, menjelaskan spesies lain yang bergantung kepada keseimbangan tersebut.

Burung Helang Kepala Kelabu juga memegang peranan penting dalam pemuliharaan hutan negara. Kehadiran mereka menunjukkan kesihatan ekosistem yang lebih luas, terutamanya hutan paya dan kawasan lembap yang menjadi habitat semula jadi mereka. Oleh itu, perlindungan spesies ini bukan sahaja memberi manfaat kepada burung itu sendiri, tetapi juga kepada pemuliharaan habitat yang mereka huni.

Di Negeri Brunei Darussalam (NBD), helang ini diiktiraf sebagai salah satu spesies burung yang dilindungi di bawah Akta Hidupan Liar Brunei 1978 pindaan 1984, yang bertujuan untuk melindungi keanekaragaman biologi dan memastikan spesies ini tidak terancam. Selain itu, helang ini juga tersenarai di Konvensyen Perdagangan Antarabangsa Spesies Flora dan Fauna Terancam (CITES) di bawah Appendix II dan dalam Senarai Merah IUCN, yang menekankan status mereka sebagai spesies yang hampir terdedah kepada ancaman kepupusan.

Kepentingan melindungi Burung Helang Kepala Kelabu bukan sahaja memberi kesan positif kepada alam sekitar, tetapi juga memberikan manfaat ekonomi kepada

negara. Dengan memelihara spesies ini, NBD boleh terus menarik minat pelancong dan penggemar alam semula jadi, sekali gus memberi peluang untuk industri pelancongan berasaskan ekopelancongan berkembang. Ini memberikan sumber pendapatan tambahan kepada ekonomi negara, sambil memastikan kelestarian alam semula jadi kita untuk generasi akan datang.

Sebagai penutup, marilah kita bersama-sama menghargai keindahan dan kepentingan Burung Helang Kepala Kelabu ini dalam ekosistem kita. Mari kita terus mendukung usaha-usaha pemuliharaan alam semula jadi dan memastikan spesies-spesies seperti helang ini terus hidup subur di bumi kita. Semoga maklumat yang dikongsikan akan dapat membuka mata kita tentang pentingnya memelihara biodiversiti dan mendidik kefahaman tentang peranan kitani bersama dalam menjaga alam semula jadi.

Sila ikuti setiap keluaran bulanan Kenali Hidupan Liar Kitani dan bagi melihat foto-foto spesies hidupan liar kitani yang telah dipaparkan dan maklumat lanjut berkaitan spesies tersebut, sila layari dan ikuti akaun Instagram Jabatan Perhutanan : [forestry.brunei/](https://www.instagram.com/forestry.brunei/). Lindungi hidupan liar kitani untuk memelihara hutan kitani.

SERTAI KAJI SELIDIK MENGENAI PELANCONGAN DOMESTIK DI NBD

Oleh : Haniza Abdul Latif
Infografik : Kementerian Sumber-sumber Utama dan Pelancongan

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 18 April. - Jabatan Kemajuan Pelancongan, Kementerian Sumber-sumber Utama dan Pelancongan kini sedang menjalankan satu kajian mengenai pelancongan domestik di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Kajian berkenaan bertujuan untuk mengumpul maklumat dan maklum balas daripada penduduk di semua empat daerah, iaitu Daerah Brunei dan Muara, Daerah Belait, Daerah Tutong, dan Daerah Temburong.

Orang ramai dijemput untuk mengambil bahagian dalam Tinjauan Pelancongan dan berkongsi pengalaman semasa

melancong di negara sendiri dengan melengkapkan kaji selidik ringkas berkenaan.

Maklum balas daripada orang ramai adalah sangat berharga dan amat penting bagi Jabatan Kemajuan Pelancongan untuk memahami pengalaman awda dalam usaha untuk meningkatkan pengalaman pelancongan di dalam negara dan untuk mengumpulkan data mengenai trend perbelanjaan.

Di samping itu juga, ia dapat membantu jabatan berkenaan untuk membentuk inisiatif yang mempromosi pelancongan tempatan serta menyokong

ekonomi negara.

Penyertaan hanya mengambil masa beberapa minit sahaja, dan Jabatan Kemajuan Pelancongan memberi jaminan kepada orang ramai bahawa semua maklumat yang dikumpulkan adalah rahsia dan hanya digunakan untuk rujukan dalaman jabatan sahaja.

Borang maklum balas berkenaan akan mengambil beberapa minit masa sahaja dan segala maklumat yang diterima akan disimpan sulit dan sebagai rujukan dan semata-mata untuk tujuan penyelidikan pihak jabatan sahaja.

Tinjauan berkenaan boleh diakses dengan mudah dengan mengimbas kod QR yang disediakan atau dengan menekan pautan <https://forms.gle/GFA2FL4EMiw8skb6>.

Sebarang pertanyaan, bolehlah terus menghubungi talian +673 2382822 Ext. 2320 atau melalui e-mel data@tourism.gov.bn.

Pendaftaran Kelas Mengaji Al-Quran / Iqra Dewasa dibukakan

Siaran Akhbar: Masjid An-Na'im, Kampung Panchor Mengkubau

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 17 April. – Masjid An-Na'im, Kampung Panchor Mengkubau memaklumkan kepada para jemaah serta penduduk Kampung Panchor Mengkubau dan kawasan sekitarnya bahawa Pendaftaran Kelas Mengaji Al-Quran / Iqra (Dewasa) kini dibukakan.

Borang pendaftaran bagi mengikuti kelas mengaji bagi golongan dewasa kini boleh didapati di masjid berkenaan.

Borang yang telah lengkap diisikan hendaklah dikembalikan tidak lewat daripada 30 April 2025.

Untuk sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, bolehlah berhubung terus dengan Imam Syu'ab melalui talian SMS atau WhatsApp di +673 8893596.

Sementara itu, Pendaftaran Menjadi Ahli Belia / Beliawanis Masjid turut dibuka.

Borang pendaftaran untuk menjadi ahli belia atau beliawanis Masjid An-Na'im juga kini boleh didapati di masjid yang sama.

Borang yang telah lengkap diisikan hendaklah diserahkan kepada Penyelia Hal Ehwal Belia, Awang Hazrin bin Majid, +673 8236654 atau dihantar ke Masjid An-Na'im.



كمتردين سومبر الاوتام دان فلنوجون
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
MINISTRY OF PRIMARY RESOURCES AND TOURISM

KAJI SELIDIK PELANCONGAN DALAM NEGERI (PELANCONGAN DOMESTIK)

Kami mengundang anda untuk mengambil bahagian dalam kaji selidik pelancongan dalam negeri. Maklum balas anda sangat berharga bagi kami untuk memahami pengalaman anda dan membantu kami membentuk inisiatif yang mempromosikan pelancongan tempatan serta menyokong ekonomi kita.

Maklumbalas anda adalah sulit dan akan digunakan semata-mata untuk tujuan penyelidikan dan kami berterima kasih kerana ikut serta dalam kaji selidik ini.

Borang maklum balas ini akan mengambil beberapa minit masa awda dan segala maklumat yang diterima akan disimpan sulit dan sebagai rujukan pihak jabatan sahaja.

Hubungi Kami: ☎ +673 238 2822 EXT 2320 📩 data@tourism.gov.bn

Imbas di sini:



<https://forms.gle/GFA2FL4EMiw8skb6>

Sebuah syarikat dikenakan denda kompaun BND1,000

KESALAHAN yang didapati oleh Unit Penguatkuasaan, Jabatan Daerah Tutong pada 16 April 2025.



Syarikat berkenaan dikenakan denda kompaun sebanyak BND1,000 di bawah Akta Kesalahan-kesalahan Rampaian 2021, dan dikehendaki untuk menjelaskan denda kompaun dalam tempoh tujuh hari.

Jika gagal membayar denda berkenaan dalam tempoh masa tujuh hari daripada tarikh denda kompaun dikeluarkan maka syarikat berkenaan boleh dihadapkan ke mahkamah dan jika sabit kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak kurang daripada BND2,000 dan tidak melebihi BND10,000 dan bagi kesalahan kedua atau berikutnya boleh dikenakan hukuman denda kompaun tidak kurang daripada BND10,000 dan tidak melebihi BND30,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 12 bulan atau kedua-duanya sekali.

Unit Penguatkuasaan, Jabatan Daerah Tutong ingin mengingatkan orang ramai, pihak syarikat dan pemilik premis-premis perniagaan agar sentiasa menjaga kebersihan alam sekitar, khususnya di kawasan premis - premis perniagaan dan juga kawasan awam dengan tidak membuang, melonggokkan atau meninggalkan apa jua jenis sampah sarap di tempat awam.

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Daerah Tutong

TUTONG, Khamis, 17 April. - Hasil rondaan Unit Penguatkuasaan, Jabatan Daerah Tutong pada 16 April 2025 telah mengeluarkan denda kompaun terhadap sebuah syarikat kerana didapati melanggar Akta Kesalahan - kesalahan

Rampaian 2021.

Syarikat berkenaan ialah Saifuddin Sdn. Bhd. yang beralamat di No. 7, Simpang 1662, Kampung Telisai, Tutong dan dikenakan denda di bawah Bab 12 (1) (a).

جائزه حکایتی جو لجا برینی دا لالیسالاد
BDMD
Brunei Darussalam Meteorological Department

BDMD
Brunei Darussalam Meteorological Department

ELAKKAN MEMANDU DI LORONG KANAN

Kenderaan lain yang datang dari arah berlawanan mungkin akan melanggar lopak air lalu ia akan menyebabkan air terpercik memenuhi cermin hadapan kereta dan menghalang penglihatan anda

bruneiweather @brunei.weather Weather Line 114 www.met.gov.bn



KAHERAH, 17 April. - Deretan bas menunggu di sebuah kawasan di ibu negara Mesir, Kaherah, bersedia membawa pulang keluarga pelarian Sudan ke tanah air mereka.

Ibu bapa menyusun bagasi sambil memerhati anak-anak mereka, wajah mereka terpencar rasa rindu dan harapan ketika menyaksikan barang-barang dimuatkan ke dalam bas untuk perjalanan yang dinanti sejauh lama.

Antara mereka ialah Youssef Al-Waleed, seorang lelaki berusia 30-an yang sedang menyusun barang keluarganya di sebelah sebuah bas. Isteri dan dua anaknya duduk berhampiran, menanti waktu bertolak.

"Orang asing pasti akan pulang ke tanah airnya suatu hari nanti," kata Youssef kepada Xinhua. "Kita mesti kembali ke rumah dan tanah kita. Namun, Mesir tetap akan menjadi negara kedua kami, tanpa ragu."

Tidak jauh dari situ, Mousa Othman Yassin, 63, duduk bersama isterinya. Mousa berkata beliau datang ke Mesir untuk mendapatkan rawatan perubatan, bukannya melarikan diri daripada perang, memandangkan bekalan ubat-ubatan penting semakin sukar diperoleh di Sudan akibat keadaan keselamatan yang merosot.

"Sekarang, saya berharap dapat pulang dan tidak lagi melalui

PELARIAN SUDAN DI MESIR MULAKAN PERJALANAN PULANG DENGAN HARAPAN KEAMANAN

penderitaan yang memaksa kami meninggalkan rumah," katanya.

Konflik bersenjata tercetus pada pertengahan April 2023 antara Angkatan Tentera Sudan (SAF) dan pasukan separa tentera Rapid Support Forces, berpunca daripada ketegangan berkaitan peralihan politik yang dirancang. Konflik itu meragut puluhan ribu nyawa, memaksa lebih 15 juta orang meninggalkan kediaman, dan menjadikan Sudan antara krisis kemanusiaan terburuk di dunia menurut Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB).

Pada akhir Mac, SAF mengumumkan kejayaan menguasai beberapa kawasan di ibu negara Khartoum dan menyeru rakyat Sudan di luar negara untuk pulang membantu usaha membangunkan semula negara.

Penasihat inisiatif di Kedutaan Sudan di Kaherah, Amin Ismail, menganggarkan kira-kira 3,000 rakyat Sudan pulang ke tanah air setiap hari dan jumlah itu dijangka meningkat berikut pelbagai inisiatif ditawarkan menerusi program kembali ke tanah air secara sukarela.

Beliau berkata semangat rakyat semakin pulih, manakala Perkhidmatan Awam juga kembali beroperasi di Khartoum, Bahri dan Omdurman, tiga bandar raya utama di kawasan ibu negara Sudan

sekali gus mendorong peningkatan jumlah pelarian yang kembali.

Dalam kalangan orang ramai, Mohamed Issa, seorang ejen pelancongan dari Aswan, Mesir selatan, sibuk membantu penumpang dan memastikan semua yang tersenarai ada sebelum berangkat.

Syarikatnya menyediakan perjalanan percuma kepada rakyat Sudan yang tidak mampu membeli tiket. "Mesir dan Sudan bersaudara dan kita harus saling membantu ketika krisis," katanya. "Saya berasa gembira melihat senyuman mereka ketika kembali ke tanah air."

Menurutnya, perjalanan pulang seperti itu dianjurkan sejak lebih sebulan lalu dan beliau menganggarkan lebih 3,000 rakyat Sudan melakukan perjalanan setiap hari.

Disebabkan kedekatan geografi dan hubungan sejarah, Mesir kini menjadi negara tuan rumah terbesar kepada pelarian Sudan yang melarikan diri daripada konflik.

Berdasarkan data kerajaan Mesir dan Suruhanjaya Tinggi PBB untuk Pelarian (UNHCR), lebih 1.2 juta rakyat Sudan telah mencari perlindungan di Mesir sejak konflik itu bermula.

Antara mereka yang pulang ialah Amin Awad dan keluarganya, yang

berpindah ke Mesir kira-kira lapan bulan lalu akibat pertempuran sengit di kawasan kejiranan mereka di Khartoum.

"Saya tidak pernah rasa seperti orang asing di Mesir. Rakyat Mesir dan rakyat Sudan sama sahaja. Kami benar-benar seperti satu

bangsa," kata Amin, bapa kepada enam anak.

Beliau menyuarakan harapan agar keamanan dan kestabilan akan dapat dinikmati semula di Sudan dan dunia Arab. "Keselamatan itu segalanya," katanya. - ©BERNAMA

Parlimen Serbia luluskan kerajaan baharu diterajui Djuro Macut

BELGRADE, 17 April. - Parlimen Serbia meluluskan pada Rabu, pembentukan kerajaan baharu yang diketuai oleh pakar endokrinologi, Djuro Macut, lapor Xinhua.

Macut telah membentangkan program kerajaan serta barisan kabinetnya sehari sebelum itu, dengan menggariskan keutamaan pentadbirannya. Kabinet baharu itu akan terdiri daripada 31 anggota. - ©BERNAMA

Presiden El Salvador rancang luaskan penjara untuk rakyatnya yang diusir dari AS

MOSCOW, 17 April. - Presiden El Salvador Nayib Bukele merancang untuk menggandakan keluasan Pusat Tahanan Keganasan (CECOT), antara penjara terbesar di dunia yang menempatkan rakyat El Salvador yang diusir dari Amerika Syarikat (AS), lapor Sputnik/RIA Novosti.

"Ini adalah penyelesaian jangka panjang. Beliau merancang untuk menggandakan saiz penjara itu. Beliau memiliki lebih 80 ekar (32.3 hektar) tanah yang akan terus dibangunkan," kata Setiausaha Keselamatan Dalam Negeri AS, Kristi Noem kepada akhbar The Wall Street Journal pada Rabu.

Februari lalu, Bukele mengumumkan yang El Salvador mencadangkan kepada AS untuk menggunakan kemudahan CECOT bagi menahan penjenayah yang disabitkan kesalahan, termasuk rakyat AS, dengan bayaran tertentu. Setiausaha Negara AS, Marco Rubio berkata Washington akan meneliti cadangan itu. - ©BERNAMA

Angka kematian akibat wabak demam Lassa di Nigeria meningkat kepada 127

ABUJA, Nigeria, 16 April. - Angka kematian akibat wabak demam Lassa di Nigeria meningkat kepada 127 orang setakat ini, menurut pihak berkuasa kesihatan awam negara itu pada Selasa, lapor Xinhua.

Putus Kawalan dan Pencegahan Penyakit Nigeria (NCDC) dalam satu kenyataan memaklumkan bahawa sebanyak 674 kes disahkan daripada keseluruhan 4,025 kes yang disyaki sejak wabak ini mula dikesan pada Januari lalu.

Sebanyak 18 daripada 36 negeri terjejas oleh penyakit itu dengan negeri-negeri di selatan seperti Ondo dan Edo, serta negeri utara Bauchi menjadi kawasan paling terjejas teruk.

Ketiga-tiga negeri itu menyumbang lebih 70 peratus daripada jumlah keseluruhan kes yang disahkan, menurut NCDC.

Kadar kematian direkodkan pada 18.8 peratus, lebih tinggi berbanding 18.5 peratus dalam tempoh yang sama pada 2024.

Golongan dewasa berumur antara 21 hingga 30 tahun merupakan kumpulan paling terkesan. Agensi kesihatan itu turut mendedahkan bahawa bilangan lelaki yang dijangkiti melebihi wanita.

NCDC mengenal pasti beberapa cabaran utama termasuk sikap tidak proaktif mendapatkan rawatan, kos rawatan yang tinggi di sesetengah kawasan, serta tahap kesedaran yang rendah dalam komuniti berisiko tinggi.

Sehubungan itu, satu sistem pengurusan insiden pelbagai sektor telah diaktifkan bagi menyelaras usaha tindak balas di peringkat nasional.

Untuk rekor, Nigeria mencatatkan 214 kematian akibat demam Lassa sepanjang 2024, menurut NCDC.

Demam Lassa lazimnya merebak melalui makanan atau barang rumah yang tercemar dengan air kencing atau najis tikus. - ©BERNAMA

Tarif Trump: Pengerusi Rizab Persekutuan AS beri amaran peningkatan inflasi

WASHINGTON, 17 April. - Pengerusi Rizab Persekutuan Amerika Syarikat (AS), Jerome Powell memberi amaran dasar tarif agresif Presiden Donald Trump berkemungkinan mendorong peningkatan inflasi serta memperlambangkan pertumbuhan ekonomi, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

"Tahap kenaikan tarif yang diumumkan setakat ini adalah jauh lebih besar daripada jangkaan. Perkara yang sama mungkin berlaku dalam kesan ekonomi,

termasuk peningkatan inflasi dan pertumbuhan yang lebih perlahan," katanya dalam satu acara di Chicago pada Rabu.

Walaupun lonjakan inflasi itu mungkin bersifat sementara, Powell mengingatkan bahawa ia boleh menjadi lebih berterusan bergantung kepada perkembangan situasi.

Kenyataan Powell itu selari dengan amaran yang dibuat Ahli Lembaga Rizab Persekutuan, Christopher Waller, awal minggu ini yang turut menzahirkan

kebimbangan terhadap kemungkinan kerosakan kepada ekonomi AS akibat dasar perdagangan berkenaan.

Kadar faedah dijangka tidak berubah pada Mei.

Keputusan kadar faedah seterusnya akan diumumkan pada bulan Mei. Walaupun Trump terus mendesak supaya kadar itu diturunkan, penganalisis secara umumnya menjangkakan Rizab Persekutuan akan mengekalkan kadar penanda aras semasa. - ©BERNAMA

Peniaga berlian ditahan di Belgium berhubung kes penipuan perbankan AS\$2 bilion

NEW DELHI / BRUSSELS, 16 April. - Peniaga berlian kelahiran India, Mehul Choksi ditahan pihak berkuasa di Antwerp, Belgium membabitkan kes penipuan perbankan hampir AS\$2 bilion, kata peguamnya, Vijay Aggarwal pada Selasa.

Choksi, 65, ditahan pada Sabtu lalu dan kini sedang menjalani rawatan kanser, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Peguam bela Choksi memohon agar anak guamnya dibebaskan sementara bagi membolehkan Choksi mempertahankan diri daripada diekstradisi di luar lokasi, dengan alasan bahawa Choksi tidak berisiko melarikan diri.

Polis Penyiasatan Pusat India

(CBI) mendakwa Choksi dan anak saudaranya, Nirav Modi memperoleh pinjaman secara penipuan daripada Punjab National Bank (PNB), sebuah bank milik kerajaan.

Skandal berprofil tinggi itu terbongkar pada 2018, apabila pihak berkuasa mengesan pemindahan dana tanpa kebenaran bernilai kira-kira AS\$1.8 bilion di satu daripada cawangan PNB di Mumbai.

Dana terbabit dipercayai disalurkan ke luar negara menerusi institusi kewangan lain, dengan dibantu beberapa kaitangan dalam PNB yang didakwa bersekongkol memudahkan urusan pinjaman palsu Choksi dan Modi.

Modi ditahan di London pada 2019 dan kekal di penjara Britain, sementara menanti keputusan permohonan ekstradisi oleh pihak berkuasa India.

Menurut media tempatan India, Choksi dipercayai bersembunyi di Caribbean dan bersama keluarganya di Antwerp, pusat perdagangan berlian dunia, sejak skandal itu terbongkar.

Bagaimanapun, status ekstradisi kedua-dua suspek ke India masih belum jelas.

Peguam Choksi dijangka mempertikaikan ekstradisi atas alasan kes bermotifkan politik dan turut membangkitkan isu keadaan tahanan yang tidak berperikemanusiaan di penjara India. - ©BERNAMA

KAPAL PINTAR AKUAKULTUR DIHANTAR UNTUK DIGUNAKAN DI QINGDAO CHINA

QINGDAO, 18 April. - Sebuah kapal akuakultur pintar laut dalam seberat 150,000 tan telah dihantar untuk kegunaan Khamis di bandar pelabuhan Qingdao di timur China.

Kapal itu, dibina dengan pelaburan daripada Qingdao Conson Development (Group) Co., Ltd., mempunyai anjakan sebanyak

150,000 tan. Ia adalah 244.9 meter panjang dan menempatkan 15 kabin pembiakan dengan jumlah kapasiti pegangan air hampir 100,000 meter padu.

Sekitar 610 juta yuan (kira-kira 84.6 juta dolar A.S.) telah dilaburkan dalam kapal itu, yang digunakan oleh Qingdao Conson.

Sistem akuakultur pintar bawaan kapal dijangka mempunyai pengeluaran tahunan sebanyak 3,600 tan ikan berkualiti tinggi. Kabin pembiakan boleh digunakan untuk menanam spesies ikan seperti croaker kuning besar dan salmon.

Kapal akuakultur baharu itu

ialah versi terkini bagi pendahulunya yang seberat 100,000 tan yang dihantar pada 20 Mei 2022. Kapal pendahulunya kini telah menempuh lebih 17,000 batu nautika. Kapal itu menolak kawasan akuakultur dari dekat pantai ke laut dalam, menggunakan sumber air laut berkualiti tinggi untuk pembiakan.



Kapal baharu itu telah membuat lebih daripada 160 penemuan teknologi. Khususnya, penerapan teknologi digital dan pintar telah dipertingkatkan, dan keseluruhan proses pembiakan ikan kini dicapai sepenuhnya oleh jentera. - ©XINHUA

China, Kemboja komited bina komuniti berkongsi nasib sepanjang masa era baharu

PHNOM PENH, 18 April. - Presiden China, Xi Jinping dan Perdana Menteri Kemboja, Hun Manet mencapai persetujuan untuk membina komuniti berkongsi nasib China-Kemboja sepanjang masa pada era baharu dan mengisyiharkan 2025 sebagai Tahun Pelancongan China-Kemboja.

Persetujuan itu dicapai dalam perbincangan kedua-dua pihak di sini pada Khamis.

Xi mencadangkan kedua-dua negara menjadikan 'pembinaan komuniti berkongsi nasib China-Kemboja sepanjang masa pada era baharu' sebagai titik permulaan baharu, terus melaksanakan pelan tindakan edisi baharu untuk mengukuhkan kerjasama strategik yang berspesifikasi tinggi demi kesejahteraan rakyat kedua-dua negara.

"Kedua-dua pihak perlu berusaha menggalakkan kerjasama di bawah Inisiatif Jalur dan Laluan yang menekankan pembinaan berkualiti tinggi, dan terus menambah elemen baharu ke rangka kerjasama 'Diamond

Hexagon', dan kedua-duanya dilihat kondusif bagi pemodenan di negara masing-masing.

"Kedua-dua negara perlu mengambil langkah yang lebih tegas dan berkesan untuk membanteras perjudian dalam talian dan penipuan telekomunikasi bagi memelihara kestabilan sosial dan pergaulan yang normal antara negara serantau."

"Selain itu, kedua-dua negara juga perlu meningkatkan penyelarasan dan kerjasama dalam rangka kerjasama ASEAN dan Lancang-Mekong, serta bersama-sama memelihara keamanan dan pembangunan serantau yang tidak datang mudah, untuk menyumbang kepada pembinaan komuniti berkongsi nasib sesama insan," kata Xi.

Sementara itu, Hun Manet pula menyatakan bahawa pihaknya berpegang teguh kepada dasar Satu China dan menyokong tindakan China dalam memelihara keadilan dan keutuhan wilayah.

"Kemboja komited untuk memperkasa kerjasama dengan China dalam bidang seperti

ekonomi dan perdagangan, pelaburan, rantaian perindustrian dan bekalan, pertanian serta pembinaan infrastruktur.

"Kami bersedia bersama-sama membanteras perjudian dalam talian dan penipuan telekomunikasi, mengukuhkan pertukaran dalam bidang sosiobudaya seperti pendidikan dan kebudayaan, dan menjayakan 'Tahun Pelancongan Kemboja-China'.

"Di samping itu, Kemboja bersedia untuk mengukuhkan penyelarasan dan kerjasama dengan China untuk menjaga kepentingan bersama milik kedua-dua pihak," kata Hun Manet.

Selepas perbincangan tersebut, pemimpin kedua-dua negara telah menghadiri majlis pertukaran lebih 30 dokumen kerjasama dua hala yang merangkumi sektor kerjasama rantaian perindustrian dan bekalan, kecerdasan buatan, bantuan pembangunan, pemeriksaan dan kuarantin kastam, sanitasi dan jabatan penerangan. - ©BERNAMA

Indonesia jalin kerjasama dengan Jordan untuk tanam gandum dalam negara

JAKARTA, 18 April. - Indonesia akan bekerjasama dengan Jordan bagi menjalankan percubaan penanaman gandum di negara itu dalam usaha mengurangkan kebergantungan terhadap import komoditi berkenaan, kata seorang menteri pada Khamis, lapor Xinhua.

Menteri Pertanian Indonesia, Andi Amran Sulaiman berkata demikian selepas mengiringi Presiden Prabowo Subianto dalam lawatan ke Jordan dan beberapa negara lain. Pada Selasa, beliau menandatangani perjanjian kerjasama pertanian dengan rakan sejawatnya dari

Jordan, Khaled Huneifat.

"Kami baru pulang daripada lawatan bersama Presiden ke Jordan. Kami akan memperkuhuh kerjasama dengan Jordan," kata Amran pada sidang media di pejabatnya.

Beliau berkata Indonesia akan bekerjasama dengan Jordan dalam pertukaran maklumat dan teknologi dalam sektor pertanian dan perladangan, serta pengurusan sumber air.

Menurutnya, Jordan bersetuju membantu Indonesia dalam usaha menanam gandum memandangkan negara Timur Tengah itu mempunyai sistem

pengairan yang baik dan mampu menghasilkan gandum dalam jumlah besar.

"Kami telah menjemput pakar dari Jordan," katanya. "Kami juga telah menilai kesesuaian iklim untuk pertanian di seluruh Indonesia dan kini sedang mengenal pasti benih unggul yang boleh ditanam di sini."

Amran menegaskan jika pelan itu berjaya, ia akan membantu mengurangkan import gandum dari luar negara.

Indonesia sebelum ini berjaya menanam kurma dari Timur Tengah di wilayah-wilayah tropika negara itu. - ©BERNAMA

Lubnan, Qatar tegas perkukuh hubungan, sokong Palestin, Syria

BEIRUT / ISTANBUL, 17 April. - Lubnan dan Qatar pada Rabu menegaskan komitmen mereka untuk memperkuhuh hubungan dua hala serta mengulangi sokongan terhadap Palestin dan Syria, lapor Anadolu Ajansi (AA).

Kenyataan bersama dikeluarkan pada akhir lawatan dua hari Presiden Lubnan, Joseph Aoun ke Doha yang merangkumi perbincangan dengan Emir Sheikh Tamim bin Hamad Al Thani.

Kedua-dua pihak menyatakan kesungguhan untuk memperdalam dan memperkuhuh hubungan dalam semua bidang demi kepentingan kedua-dua negara dan rakyat, menyelaras pendirian dalam isu-isu utama,

serta menangani hal ehwal serantau melalui dialog dan diplomasi.

Agensi Berita Nasional Lubnan, NNA, melaporkan Emir Qatar mengulangi sokongan negaranya terhadap negara dan angkatan tentera Lubnan.

Beliau turut mengumumkan pembaharuan geran Qatar sebanyak AS\$60 juta bagi menyokong pembayaran gaji tentera, selain 162 kenderaan tentera bagi membantu pasukan itu melaksanakan tugas menjaga kestabilan dan keselamatan sepadan negara.

Lubnan kini berdepan krisis kewangan serius sejak 2019, dengan mata wang negara itu

mengusut lebih 98 peratus daripada 1,500 kepada purata 90,000 berbanding dolar Amerika Syarikat.

Mengenai isu serantau, Lubnan dan Qatar menegaskan sokongan tidak berbelah bagi terhadap hak sah rakyat Palestin, khususnya penubuhan sebuah negara merdeka berdasarkan sempadan 1967 dengan Baitulmaqdis Timur sebagai ibu negara, selaras dengan Inisiatif Keamanan Arab dan resolusi sah antarabangsa berkaitan.

Kedua-dua negara turut mengulangi sokongan terhadap perpaduan, keadilan dan kemerdekaan Syria, menurut kenyataan itu. - ©BERNAMA

Empat terbunuh dalam insiden kereta kabel di selatan Itali

LONDON, 18 April. - Seramai empat orang terbunuh dalam kemalangan membabitkan kereta kabel berhampiran bandar Naples di selatan Itali pada Khamis, lapor Anadolu Ajansi memetik agensi berita nasional Itali, ANSA.

Kereta kabel itu dilaporkan jatuh terhempas dalam keadaan cuaca buruk di Gunung Faito, berdekatan Sorrento.

Seorang lagi mangsa yang cedera parah telah dibawa ke hospital, menurut kenyataan pasukan penyelamat.

Rakaman yang disiarkan oleh penyiar awam RAI menunjukkan 16 lagi penumpang dari sebuah kereta kabel berasingan berjaya diselamatkan.

Ketua Wilayah Campania yang merangkumi Naples, Vincenzo De Luca memberitahu RAI bahawa usaha menyelamat sukar dilakukan akibat keadaan berkabut dan angin kencang. - ©BERNAMA

Ukraine, AS tandatangani Memorandum Persefahaman berkaitan perjanjian mineral

KIEV, 18 April. - Ukraine dan Amerika Syarikat (AS) pada Khamis menandatangani Memorandum Persefahaman berhubung perjanjian mineral, kata Timbalan Perdana Menteri Pertama merangkap Menteri Ekonomi Ukraine, Yulia Svyrydenko, menurut laporan Xinhua.

"Ukraine dan AS telah menandatangani satu memorandum yang mencerminkan kerjasama konstruktif antara pasukan kami serta hasrat untuk memuktamad dan memeterai perjanjian yang memberi manfaat kepada rakyat kedua-dua negara," kata Svyrydenko dalam satu hantaran di Facebook.

Menurut hantaran itu, dokumen berkenaan ditandatangani oleh Svyrydenko di Kiev dan Setiausaha Perbendaharaan AS, Scott Bessent di Washington.

Svyrydenko berkata kedua-dua negara akan memuktamadkan teks perjanjian mineral dan menandatangannya dalam masa terdekat, serta menambah bahawa perjanjian itu tertakluk kepada 'ratifikasi oleh parliment'.

Terdahulu pada Khamis, Presiden AS, Donald Trump berkata perjanjian itu berkemungkinan ditandatangani minggu depan. - ©BERNAMA

Rubio, Menteri Luar Indonesia bincang isu tarif, Laut China Selatan

WASHINGTON, 17 April. - Setiausaha Negara Amerika Syarikat (AS), Marco Rubio dan Menteri Luar Indonesia, Sugiono membincangkan kepentingan bersama dalam mempromosikan Indo-Pasifik yang bebas dan terbuka semasa mengadakan rundingan dua hala yang menyeluruh, menurut Jabatan Negara AS pada Rabu, lapor Anadolu Ajansi (AA).

Jurucakap Jabatan Negara AS, Tammy Bruce dalam satu kenyataan yang dikeluarkan selepas pertemuan itu berkata Rubio dan Sugiono turut membincangkan cara memperkuhuh kerjasama dalam bidang pertahanan dan keselamatan, termasuk usaha mengekalkan kebebasan perlayaran dan penerbangan di Laut China Selatan selaras dengan undang-undang antarabangsa.

"Setiausaha Rubio dan Menteri Luar Sugiono turut membincangkan tarif timbal balik AS terhadap Indonesia dan beliau mengalui-alukan usaha Indonesia untuk melaksanakan reformasi ekonomi ke arah hubungan perdagangan yang adil dan seimbang.

"Beliau berterima kasih kepada Menteri Luar Sugiono atas usaha Indonesia memudahkan penghantaran warganya yang diusir dari Amerika Syarikat. Setiausaha Rubio dan Menteri Luar Sugiono turut menekankan kepentingan untuk terus memperkuhuh perkongsian dua hala," kata Bruce. - ©BERNAMA



PELITA BRUNEI SUKAN

5 ATLET MEWAKILI NEGARA PADA KEJOHANAN PINGPONG BELIA SEA



Siaran Akhbar dan Foto : Persatuan Pingpong Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 17 April. - Persatuan Pingpong Brunei Darussalam (BDTTA) telah menghantar lima atlet bawah 15 tahun yang terdiri daripada tiga atlet lelaki dan dua atlet perempuan bagi mewakili Negara Brunei Darussalam (NBD) pada Kejohanan Pingpong Belia Asia Tenggara (SEA) 2025,

Indonesia, bermula pada 17 hingga 22 April 2025.

Atlet negara akan menyertai acara berpasukan, perseorangan dan beregu bagi kedua-dua acara lelaki dan perempuan.

Kejohanan berkenaan diadakan di Pusat Sukan Sumantri Kuningan, Jl. H.R. Rasuna Said No 10b, RT.2/RW.5, Kuningan, Karet Kuningan, Kecamatan Kuningan, Kabupaten Kuningan, Daerah Khusus Ibukota Jakarta 12950, Indonesia.

Pasukan berkenaan diketuai oleh Presiden BDTTA, Awang Haji Amrin bin Haji Amir; dan diiringi oleh Jurulatih, Wong Khuan Shang (Kenny).

Pasukan BDTTA bertolak pada 16 April 2025 dan dijadualkan kembali ke NBD pada 23 April 2025.

PARA atlet semasa sesi bergambar ramai sebelum berlepas menyertai Kejohanan Pingpong Belia Asia Tenggara (SEA) 2025, Indonesia, bermula pada 17 hingga 22 April 2025.

Arbisyam FC, Shah United kutip 3 mata penuh

BERAKAS, Rabu, 16 April. - Pasukan Arbisyam FC dan Shah United menarik nafas lega selepas kedua pasukan itu berjaya mengutip mata penuh yang berharga pada saingan Brunei Elite Futsal League (BEFL) 2024-2025 di Dewan Serbaguna Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah (MPH), di sini.

Pasukan Arbisyam berjaya

menjelmakan penantian selepas menewaskan pasukan DDT dengan jaringan 3-0 sementara pasukan Shah United pula berjaya menggandakan kemenangan dengan membelaah pasukan Kota Ranger BK FC dengan 7-3.

"Kita bersyukur hasil kegigihan dan kecekalan semua pemain yang tidak mudah mengalah, akhirnya kita berjaya mencipta

kemenangan sulung sekalipun hampa sebanyak 7 kali perlawanan yang lalu", jelas Ketua Jurulatih Arbisyam FC, Khairulazim Abdullah.

Beliau mengakui persiapan dengan latihan-latihan untuk memperbaiki kesilapan sepanjang tempoh rehat perlawanan termasuk bulan Ramadan yang lalu telah memberikan pulangan yang

Berita dan Foto : Ihsan Brunei Elite Futsal League

sangat bererti kepada pasukan.

"Kita berharap momentum daripada kemenangan ini akan dapat diteruskan pada baki perlawanan yang akan datang terutama kejohanan juga mula memasuki pusingan kedua", ujarnya.

Kemenangan itu menyaksikan pasukan dari Daerah Tutong mendaki tangga ke-7 Liga BEFL selepas terlalu lama menjadi penghuni tercorot liga.

Sementara itu, pasukan Kota Ranger BK FC pula akur turun ke tangga tercorot Liga sekalipun berkongsi ktipan 3 mata dengan pasukan Arbisyam FC.

Pasukan Shah United yang membelaah pasukan DDT FC

dengan jaringan 12-2 pada perlawanan lalu bagaimanapun menerima saingan hebat oleh anak buah, Mohd. Sharazri Haji Azamain.

Ketua Jurulatih Kota Rangers BK FC yang nampak tenang menyaksikan pemain-pemain berjaya memberikan saingan hebat sehingga suatu ketika mereka berjaya berkongsi jaringan 3-3 selepas ketinggalan 1-3.

Namun, kepentasan dua import dari Thailand pasukan Shah United menjadi nadi utama kemenangan pasukan Shah United yang berjaya memperbaiki kedudukan pada kelompok empat pasukan teratas BEFL.

Tahukah Awda

JIKA seseorang didapati vaping di tempat-tempat awam yang dilarang merokok, boleh dikenakan denda kompaun di bawah Perintah Tembakau 2005 Bab 14(2), iaitu BND300 bagi kesalahan pertama dan BND500 bagi kesalahan kedua dan berikutnya. Pengimportan dan penjualan e-cigarette atau vape di negara ini adalah satu kesalahan dan boleh dikenakan denda tidak melebihi dari BND5,000 bagi kesalahan pertama dan denda tidak melebihi dari BND10,000 bagi kesalahan kedua dan berikutnya.

Sumber : www.pelitabrunei.gov.bn

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

MENJAGA KESIHATAN ADALAH TANGGUNGJAWAB DAN AMANAH